

Citra Budaya JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبردايان دان كسنيان نكارا

ISSN 2180 - 009 X BIL 1 / 2017

Pesta Angin Timur Perlis 2017



KEUNIKAN SILAT
KURA-KURA

INDAHNYA
SONGKOK

PESTA PANTAI
BEAUTIFUL
TERENGGANU 2017

SELAMAT DATANG
WELCOME

JKKN

NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS

CAWANGAN DOKUMENTASI & PENERBITAN
DOCUMENTATION & PUBLICATION DIVISION





Menulishlah andai menulis itu jiwamu. Lakarilah kanvas putih dengan karya dan nukilan yang menjadi simbolik kesinambungan kecemerlangan seni budaya.

'Semua penulis akan pergi. Hanya hasil karyanya yang akan terus abadi. Maka tulishlah sesuatu yang dapat membahagiakan dirimu di hari akhirat nanti.' - Saidina Ali Bin Abi Talib

Mohd Zin Bin Mohd Sahid
Editor

CITRA BUDAYA JKKN merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya. Ia diterbitkan tiga (3) kali setahun.

Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKN sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada :
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Aras 30, Menara TH Perdana, Lot 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

SIDANG EDITORIAL

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

YBhg. Tan Sri Norliza Rofli
Ketua Pengarah

YBrs. Mohamad Razy Mohd Nor
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Dasar dan Perancangan)

YBhg. Dato' Mod Zaky Bin Haji Din
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

SIDANG EDITORIAL

Editorial

Mohd Zin Mohd Sahid

Penolong Editorial

Zuriah Mohamad

Penulis

- En. Mutalib Abd. Rahman
- En. Amran Haris
- En. Rizal Ismail
- Pn. Noorseela Sulaiman
- En. Hasbullah Mohd Ali
- En. Hisham Bin Mat Husein
- En. Zainal Jazlan
- Pn. Milyana Arshad
- Pn. Zuriah Mohamad
- En. Andrew Norris Anak Bobin
- En. Abdullah Deen Mohd Zain
- En. Mohd Raziff Bin Rosman
- En. Azaha Haji Othman
- En. Jasmi Rasit
- En. Rahmat Md Noh
- Cik Ezlina Alias
- Pn. Eezmadya Azalin Nordin
- En. Baharuddin Bahrin
- Cik Rizuan Abdul Rahman
- En. Shahrizal Abdan
- Pn. Norzila Mamat Ghani
- Pn. Sapinah Binti Ismail
- Cik Jumaninor Hanaffi
- Pn. Umi Abdullah
- Pn. Norazura Baharudin

Pereka Grafik/Kreatif

Pn. Bafti Hera Abu Bakar

Jurufoto

En. Muhammad Asyraf Rezali

SIDANG REDAKSI

- Unit Komunikasi Korporat
- Bahagian Khidmat Pengurusan
 - Cawangan Pentadbiran
 - Cawangan Sumber Sumber Manusia
 - Cawangan Kewangan
- Bahagian Pengembangan Seni Budaya
 - Bahagian Bimbingan Seni Budaya
- Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik (ACARA)
 - Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
- Cawangan Perancangan dan Penyelaras Dasar
 - Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya (Industri Kreatif)
 - Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan
 - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri-Negeri

PENYELARAS PENGEDARAN BULETIN

Muhammad Haqkam Hariri
Muhammad Faizal Ruslee
Badrul Hisham Mujib
En. Muhammad Amin Bin Alias

Email : penerbitan@jkkn.gov.my

Tinta

KETUA PENGARAH

Petik bunga jatuh melata
Puteri dan inang asyik bersenda
Warisan dipelihara seni budaya dijaga
Menjadi lambang kemegahan negara

Cantik hiasan hantaran pinangan
Sirih junjung ditatang di dulang
Tradisi kita dilupa jangan
Adat dikendong budaya dijulang

YBhg. Tan Sri Norliza Binti Rofli
Ketua Pengarah
JKKN

Kandungan

Sekilas Tinta Editor	03	40-41	Hilangnya Nilai Murni
Sidang Editorial	03	42-44	Kurang Cerdas kerana Kurang Membaca
Tinta Ketua Pengarah	04	45-46	English For Communication
Kandungan	05	47-50	Kasih Yang Bertaut
Konsert Jelajah Permata Seni 2017 - Seni Merentasi Zaman	06-07	51-53	Biar Betul-Betul
Pesta Pantai Beautiful Terengganu 2017	08-09	54-56	Wau Tradisional Malaysia : Wau Merak
Kesenian Saba Diterjemah Dalam Teater	10-12	57	Puding Diraja Pekan Pahang Jadi Kegemaran
Pembelajaran Tarian Asyik	13-17	58	Kuala Berang
Pesta Angin Timur Perlis	18-19	59	Gelandangan Bahasa
Keunikan Silat Kura-Kura	20	60	Pulau Kedewasaan
Laman Asean Kuala Lumpur	21-24	61	Pelajaran Alam
Sederap Kaki Melangkah	25	62	Kenal?
Indahnya Songkok	26-28	63-64	Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2017
Perkongsian Ilmu : Seloka dan Dondang Sayang	29-30	65-66	Senario Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia
Bahasa Melayu : Sociolinguistik	31-32	67-69	Budi Bahasa Budaya Kita
Budaya Media Sosial	33-34	70-71	Menyelusuri Pengalaman : Haji Othman Samdin
Peranan Media Sosial Dalam Seni dan Budaya : Cabaran dan Harapan	35-36	73-76	Senarai Bahan Terbitan (Jualan) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Kebudayaan dan Kesenian	37-39		

KONSERT JELAJAH PERMATA SENI 2017

SENI MERENTASI ZAMAN

OLEH : NOOR SEELA BINTI NOOR SULAIMAN

Kemunculan buat kali pertama Konsert PERMATA Seni tahun 2017 telah memberi impak kepada masyarakat untuk membuka mata menghargai bakat-bakat muda dalam bidang Seni di Malaysia. Konsert ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan Program PERMATA Seni ke seluruh negara di samping memberi peluang dan ruang kepada masyarakat untuk mengenali program PERMATA Seni dengan lebih dekat lagi dalam usaha memupuk bakat yang ada pada anak-anak dari peringkat awal bagi melahirkan modal insan yang cemerlang.

KONSERT JELAJAH PERMATA SENI – SENI MERENTASI ZAMAN

Konsert Jelajah PERMATA Seni bertemakan Seni Merentasi Zaman telah diadakan pada 24 hingga 25 Mac 2017 di Auditorium Panggung Seri, Kompleks JKKN Negeri Melaka di Ayer Keroh, Melaka. Persembahan lagu-lagu dan tarian-tarian dalam konsert ini menggambarkan sebuah persembahan yang mengikut peredaran zaman dengan memperlihatkan kepelbagaian dan kesatuan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan peradaban; merentasi zaman mulai zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka sehingga zaman millennia. Persembahan yang memukau ini telah berlangsung selama satu setengah (1½) jam melalui enam (6) segmen persembahan yang menggabungkan 143 orang anak-anak PERMATA Seni Koir, PERMATA Seni Muzik dan PERMATA Seni Tari dengan hasil usaha dan tunjuk ajar oleh para tenaga pengajar di bawah Program PERMATA Seni dengan diketuai oleh Konduktor Koir PERMATA Seni

Koir, Cik Syafinaz Selamat; Konduktor Muzik, PERMATA Seni Muzik, Encik Mustafâ Fuzir Nawi dan Koreografer Tari, PERMATA Seni Tari, Encik Muhammad Akmal bin Ayob. Konsert yang diilhamkan oleh YBhg Tan Sri Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN selaku Ketua Program PERMATA Seni telah digarap dengan lebih mendalam konsep persembahannya oleh Pengarah Persembahan Konsert Jelajah PERMATA Seni 2017 iaitu Encik Zulfarqar Awalludin atau lebih dikenali sebagai Belalang. Konsert ini turut disokong dengan visual dan gambar-gambar yang menarik, sesuai dengan persembahan sepanjang konsert berlangsung di skrin LED yang disediakan oleh Kumpulan Visual JKKN yang diketuai oleh Cik Ezlina Alias yang juga merangkap Pengarah Unit Komunikasi Korporat JKKN.



Konsert Jelajah PERMATA Seni 2017 ini telah dihadiri oleh TYT Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan isteri YABhg. Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina Binti Kassim, YABhg. Datuk Seri Utama Rosmah Mansor, Penaung Program PERMATA dan YAB Datuk Seri Utama Ir.Hj Idris Bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka dan isteri YABhg. Datin Seri Utama Datuk Wira Hj. Fadilah Binti Abdullah. Konsert ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Siti Azizah Sheikh Abod, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Program PERMATA, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Hakim Mahkamah Tinggi Negeri Melaka, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Yang Berhormat Exco-Exco dan Timbalan-Timbalan Exco Kerajaan Negeri Melaka, Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat Negeri Melaka dan pegawai di Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta para pegawai kanan Kerajaan Negeri Melaka, pihak media dan pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 24 Mac 2017.

PROGRAM PERMATA SENI

Program PERMATA Seni merupakan sebuah program pendidikan bertujuan untuk mengasah bakat-bakat seni kanak-kanak Malaysia berumur di antara 7 - 17 tahun. Program ini merupakan cetusan ilham YABhg. Datuk Seri Utama Rosmah Mansor, isteri YAB Perdana Menteri Malaysia merangkap Penaung Program PERMATA yang telah dilancarkan pada 11 Januari 2010 di Auditorium Tuanku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Program PERMATA Seni yang diselaraskan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia terbahagi kepada tiga (3) bidang iaitu Tari, Koir dan Muzik. Bagi pelaksanaan program, tugas dan tanggungjawab bagi bidang Koir dan Tari diuruskan oleh JKKN manakala bagi Muzik oleh Istana Budaya.

Program PERMATA Seni ini dilaksanakan bertujuan untuk menggilap bakat kanak-kanak yang cemerlang dalam bidang seni sehingga ke peringkat paling tinggi. Proses pembelajaran dalam program ini turut membentuk generasi muda yang berbudaya dan mempunyai keyakinan diri serta tahap kreativiti yang menyerlah.

Bakat cemerlang anak-anak PERMATA Seni ini sememangnya telah terbukti dengan penglibatan mereka dalam persembahan di peringkat antarabangsa samada di dalam dan luar negara seperti persembahan dalam Acara Kemuncak International Conference on Blue Ocean Strategy (ICBOS) dan Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM), Acara Kemuncak 27th ASEAN Summit dan persembahan di luar negara seperti :

1. Penyertaan PERMATA Seni Muzik dalam JEKI Music Festival, Dortmund Konzerthalle, Gemany,
2. Penyertaan PERMATA Seni Koir dalam World Piece Choral Festival di Vienna, Austria, dan
3. Kemenangan besar buat PERMATA Seni Tari apabila telah memenangi Anugerah Grand Prix (The Absolute Winner) di 6th International Arts Festival Winter Stars of Dresden, Germany.



PESTA PANTAI Beautiful Terengganu 2017

Pesta Pantai Beautiful Terengganu 2017 (PPBT 2017) telah diadakan pada 17 hingga 25 Mac 2017, manakala majlis perasmian telah berlangsung pada 18 Mac 2017 (Sabtu) bertempat di Dataran Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu, Terengganu. PPBT 2017 merupakan program utama JKKN Terengganu bagi tahun 2017 di bawah Program Myseni Budaya dengan sokongan bantuan penuh dan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Terengganu, jabatan-jabatan persekutuan dan negeri, Badan Bukan Kerajaan dan penggiat seni budaya.

Majlis pelancaran turut dihadiri oleh YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sebagai jemputan utama. Turut bersama pada malam tersebut ialah YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Bin Abd Rahman, Menteri Besar Terengganu.



Pesta Pantai Beautiful Terengganu 2017 (PPBT 2017) merupakan salah satu program yang termaktub di dalam kalendar pelancongan negeri sempena tahun melawat Terengganu 2017.



Pelbagai persembahan dan aktiviti kesenian dan kebudayaan telah diadakan khususnya pada malam perasmian program dengan penglibatan seramai 302 orang dan dihadiri oleh 73,350 orang khalayak bagi memeriahkan program. Antara persembahan dan aktiviti yang diadakan adalah seperti dikir puteri, rodan, silat kura-kura, acara pergendangan tradisional, ulek mayang, persembahan tarian rakyat, nyanyian, persembahan daripada kumpulan-kumpulan pesilat, persembahan Dikir Barat, MakYung, busking puisi, persembahan artis tempatan Terengganu, Wayang Kulit dan Wayang Pacak, pertandingan gasing terbang dan gasing pangkah, permainan wau, pertandingan sepak raga ratus, pertandingan bangsal tradisional, pertandingan tarik tali, pertandingan membina istana pasir, memancing, pameran dan jualan daripada agensi kerajaan dan swasta, pertandingan waiter race, demonstrasi silat, pertandingan gendang silat, demonstrasi masakan tradisional terengganu, pertandingan dam aji dan pelbagai lagi.



KESENIAN SABA

DITERJEMAH DALAM TEATER

OLEH : UMI ABDULLAH

PENGENALAN

Teater Saba : Nong Sakti merupakan produk di bawah program Perantisan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Program ini telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015 di bawah Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Terengganu. Kesenambungan pelaksanaan program adalah bertujuan untuk mengembangkan kesenian tempatan Negeri Terengganu dengan mewujudkan program Perantisan sebagai pelapis kepada perkembangan industri seni tradisional tempatan.

Program Perantisan ini melibatkan aktiviti latihan peserta bersama tenaga pengajar yang mahir dalam sesuatu bidang dan menterjemahkan hasil latihan selama enam bulan ini dalam bentuk persembahan perdana dan mengangkat kesenian ini sebagai produk kesenian di tempat tersebut.

Negeri Terengganu memilih Daerah Dungun dengan kesenian Saba untuk diangkat sebagai produk Perantisan JKKN. Melalui usaha dan kerjasama bersama Persatuan Kebudayaan Daerah Dungun serta gabungan Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Terengganu (KK JKKN) satu kumpulan perantisan dapat ditubuhkan. Bagi tujuan

tersebut Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara melantik Tokoh Seni Negeri Terengganu Puan Che Wan Noorsaidi binti Che Wan Abdul Rahman atau lebih dikenali dengan panggilan Mok Zah sebagai pembimbing program Perantisan Teater Saba : Nong Sakti.

Program Perantisan di bawah kelolaan JKKN Terengganu bermula dengan proses pembangunan skrip dan penceritaan diikuti dengan latihan nyanyian dan tarian. Keseluruhan proses ini mengambil masa selama 6 bulan yang dijalankan di Kompleks JKKN Terengganu dan pusat latihan Persatuan Kebudayaan Daerah Dungun.

Program di bawah penyeliaan Pegawai Penyelaras Puan Umi Abdullah ini terdapat seramai 32 orang peserta dan 4 orang tenaga pengajar mengikut bidang seperti nyanyian, tari, lakon dan muzik . Perantisan ini dibimbing sepenuhnya oleh Tokoh Seni Saba Negeri Terengganu iaitu Puan Che Wan Noorsaidi binti Che Wan Abdul Rahman atau lebih dikenali dengan panggilan Mok Zah.

Pementasan Teater Saba : Nong Sakti ini diarah oleh Saudara Mohd Kharudin bin Hanippah Jurulatih Seni Budaya Negara dalam bidang Teater yang juga merupakan tenaga pengajar di bawah program ini. Proses pementasan teater ini juga turut dibantu oleh ahli Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Daerah Dungun.

APA ITU SABA

Pada asalnya Saba merupakan permainan ritual yang bertujuan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit. Permainan Saba ini mula dimainkan sekitar 300 tahun dahulu oleh pengamal perubatan yang dikenali sebagai Cekmek Comot. Permainan ini pada suatu ketika dahulu sering dimainkan apabila ada permintaan oleh pesakit untuk mengubati penyakitnya. Kaedah permainannya mirip 'Main Putri' di Kelantan.



Permainan Saba ini apabila diselusuri ianya mula bertapak dan berkembang di sebuah kampung yang dikenali Kampung Kuala Jengal terletak di Hulu Dungun, Terengganu.

Saba juga dikenali sebagai pokok Saba yang merupakan objek wajib dalam permainan ini. Pokok Saba yang melambangkan tempat turunnya Dewa Kayangan untuk mengubat penyakit. Saba juga digambarkan sebagai sephohon pokok yang rimbun, seperti sephohon rimbunan dusun, rendah seperti sekebung bunga, yang menggambarkan keindahan di atas kayangan. Pohon Saba ini diperbuat daripada pucuk kelapa muda yang digubah dan disusun seperti sephohon pokok yang rimbun.

Selain daripada pokok Saba terdapat bahan-bahan lain yang diperlukan untuk melengkapkan proses rawatan mengikut kaedah perubatan Saba. Dalam Nong Sakti antara bahan-bahan yang diperlukan ialah 2 jambangan timba tasik iaitu pucuk kelapa yang digubah seperti jambangan bunga, calong iaitu daun perenjis yang dibuat daripada daun pinang, mengkalang tambang iaitu buyung berisi air pemulih dan bunga kembang iaitu bertih. Kesemua bahan-bahan ini diletakkan di dalam kapal ayah iaitu dulang yang disediakan oleh Cenayang iaitu pembantu kepada Peduang. Manakala di dalam persembahan teater Nong Sakti ini bahan-bahan tersebut akan dibawa oleh Ketua Dayang dan diserahkan kepada Puteri Nong Sakti untuk merawat pesakit.

Mengikut kepada kaedah perubatan Saba ini lagi, terdapat seorang perantara antara manusia di bumi dan dewa di kayangan berdialog untuk menjual beli pokok Saba tersebut bagi tujuan perubatan. Juru runding atau orang perantara antara dewa kayangan dan manusia di bumi digelar sebagai Peduang. Manakala perantara di kayangan pula digelar Muda Di Awan. Peduang ini berperanan berdialog bersama Muda Di Awan memanggil dewa-dewa yang sesuai dengan penyakit yang dialami oleh pesakit untuk diturunkan penawar tersebut melalui Peduang. Boleh dikatakan Peduang memainkan peranan penting dalam permainan ini serta merupakan seorang pengamal perubatan yang tahu mentera tertentu untuk setiap jenis penyakit. Dalam

persembahan teater Nong Sakti Peduang memainkan peranan sebagai penggerak kepada setiap babak dengan nyanyian.

Dalam permainan Saba terdapatnya elemen-elemen seperti nyanyian, tarian dan pengucapan dialog di antara Peduang dan Muda Di Awan. Diceritakan oleh Tokoh Saba iaitu Puan Che Wan Norsaidi binti Che Wan Abdul Rahman terdapat sebanyak 36 lagu dengan pelbagai cerita terdapat dalam permainan Saba ini yang setiap satunya bertujuan dan bermaksud tertentu dalam mengubati pesakit. Tokoh sendiri hanya mampu mengingati sebanyak 10 lagu sahaja.

Bagi mengekalkan kesenian Saba dan membuka mentaliti masyarakat bahawa permainan Saba bukan sahaja dimainkan oleh mereka yang pandai menjadi Peduang sahaja bahkan turut boleh dimainkan oleh semua golongan, JKKN mengambil inisiatif menggabungkan elemen-elemen nyanyian, tarian dan pengucapan dialog dalam permainan ini dan diterjemahkan dalam bentuk teaterikal agar permainan Saba dapat dijadikan kesenian yang boleh dipraktikkan oleh semua lapisan golongan masyarakat.

Segala unsur yang boleh memesongkan akidah dibuang terus dari elemen persembahan agar menjadikan permainan Saba ini relevan mengikut peredaran masa. Bagi tujuan tersebut, maka wujudlah program Perantisan Teater Saba : Nong Sakti.

CERITERA NONG SAKTI

Nong Sakti bermula dengan suatu kisah di kayangan. Tiga Puteri bersaudara iaitu Puteri Sulong, Puteri Tengah dan Puteri Bongsu berhajat untuk turun bermain dan menghibur hati ke bumi alam yang nyata. Hajat hati disampaikan kepada Petala Guru yang setia menjaga segala Puteri dan Dewa sekalian yang ada dengan kuasa yang bukan kepalang. Dengan izin Petala Guru, maka turunlah Puteri tiga bersaudara dengan berbekal Kain Layang bermain menghibur hati di bumi alam yang nyata.



Leka bermain dan berdondang, Kain Layang bekalan Petala Guru kepada Puteri Bongsu telah dicuri oleh Sang Monyet. Sampai masa dan ketika puteri tiga bersaudara dan dayang perlu pulang ke kayangan. Tapi malang, kain layang Puteri Bongsu hilang tidak diketemu. Puteri Bongsu ditinggal berseorangan di hutan rimba, maka bertukarlah Puteri Bongsu menjadi manusia biasa bergelar Derma Wangi.

Ku Yeng si penggail ikan yang baik budi, sopan tutur kata tapi malang berpenyakit kulit telah menjumpai Kain Layang Puteri Bongsu. Dalam ralit untuk pulang ke rumah, Ku Yeng bertemu Derma Wangi berseorangan di hutan. Maka Ku Yeng pun mengajak Derma Wangi ke rumahnya untuk menumpang teduh. Dek lama hidup bersama, hati Ku Yeng terpaut kerana kecantikan Derma Wangi. Maka cintapun berputik tapi malang bertepuk sebelah tangan kerana tanpa disedari wanita yang dicintai rupanya seorang Puteri Kayangan yang banyak saktinya, mustahil dapat berkongsi hidup bersama di bumi alam yang nyata.

Kemunculan Puteri Bongsu ke bumi dapat dirasai melalui mimpi Awang Muda Lingah. Seorang yang tinggi ilmunya dan anggun wataknya. Diminta orang suruhannya si Duning dan Si Jalok mencari wanita di dalam gambaran mimpinya untuk dimiliki.

Carilah si Duning dan Si Jalok ini ke seluruh pelusuk pasar dan kampung. Akhirnya diketahui wanita yang dicari berada bersama Ku Yeng. Maka beranglah Awang Muda Lingah bila diketahui orang yang dimimpi berada dalam genggamannya.

Derma Wangi terus hiba mengenangkan nasib diri terpisah dengan saudara di kayangan. Hati juga sedih melihat nasib Ku Yeng berpenyakit kulit, ingin sekali membantu memulihkan tapi malang segala sakti telah lenyap bersama Kain Layang yang hilang. Rasa hati Puteri Bongsu dapat dirasai oleh Petala Guru, lantas serulah Petala Guru kepada Puteri Bongsu, ubatilah penyakit Ku Yeng agar dapat dia pulang ke kayangan. Maka menyusurlah dondang turun Nong mengubat penyakit Ku Yeng. Namun sedih di hati Puteri Bongsu kerana kain Layang yang dicari selama ini ada tersimpan di badan Ku Yeng.

Awang Muda Lingah penuh amarah berjumpa dengan Ku Yeng. Apa hebatnya Ku Yeng sehingga Derma Wangi yang dicari kini berada dalam genggamannya. Berpantang maut sebelum ajal, Ku Yeng yang kembali pulih mempertahankan Dang Wangi dari dirampas Awang Muda Lingah.

Benarlah kata Petala Guru di bumi alam yang nyata ini penuh kejahatan. Maka pulanglah Puteri Bongsu dengan Kain layangnya ke kayangan sambil berpesan sekiranya ada yang inginkan pertolongan untuk menyembuhkan penyakit serulah dan panggilah dia dengan nama NONG SAKTI....

ALAT MUZIK

Alat muzik yang digunakan dalam permainan Saba ini ialah Anak Umbang, gendang ibu, gendang anak, rebana dan gong.



PEMBELAJARAN

Tarian Asyik

PEMBELAJARAN TARIAN ASYIK

TARIAN ASYIK

Tarian Asyik merupakan sebuah tarian istana yang begitu terkenal di negeri Kelantan. Tarian Asyik ditarikan di istana-istana raja. Penari tarian asyik terdiri daripada dayang-dayang yang telah dilatih khas. Tarian ini biasanya dipersembahkan dalam upacara-upacara negeri, di majlis perkahwinan dan malam berinai besar di istana.

SEJARAH DAN ASAL-USUL


Menurut Hikayat Patani, raja perempuan yang memerintah Patani pada abad ke-17, iaitu Raja Kuning, terdapat 12 orang penari istana yang dikenali sebagai Asyik. Tarian ini berasal daripada kisah seorang raja yang memelihara seekor burung. Mengikut cerita, burung peliharaan kesayangan baginda telah terlepas dari sangkar. Baginda telah berusaha mencari hingga ke hutan. Walaupun bertahun-tahun mencari burung kesayangannya itu, namun usahanya gagal. Ini menyebabkan baginda begitu kecewa. Untuk menghilangkan rindunya terhadap burung kesayangannya, baginda telah memerintah dayang-dayangnya mencipta sebuah tarian yang meniru gerak-geri burung. Setiap kali baginda terkenangkan burung kesayangannya, dayang-dayang akan menghiburkan baginda dengan tarian Asyik. Perkataan Asyik memberi maksud kekasih atau orang yang sangat dicintai. Pengertian perkataan kekasih ini sesuai dengan gerak tarinya yang bersifat lemah gemalai, bersopan-santun dan penuh tertib.

FUNGSI

Pada zaman dahulu, tarian Asyik dipersembahkan kepada tetamu semasa keramaian di istana seperti hari ulang tahun sultan dan perkahwinan diraja. Pada masa kini, tarian ini dipersembahkan oleh badan-badan kebudayaan dan kesenian sebagai persembahan untuk dipertontonkan kepada pelancong dalam dan luar negara.


BUSANA DAN TATARIAS

Pakaian penari Asyik terdiri daripada baju Menora, kain ikatan lipat di depan yang dipanggil Lipatan Ombak Beralun, selendang panjang dan tali pinggang. Aksesori tarian Asyik ialah Pemeles, Sanggulgoyang, Dokoh, Bunga Jurai, Cekak Tangan, Bengkung dan Pending. Dari segi pemakaian, selendang panjang diletakkan di atas bahu kanan. Hujung depan selendang di diselitkan di belakang pending. Rambut penari disisir rapi dan disanggul di belakang. Pemeles diletakkan di bahagian dahi. Sanggulgoyang dicucuk di sanggul. Dokoh dipakai di bahagian dada. Pending dipakai di bahagian pinggang.



ALAT MUZIK

Ensemble alat muzik yang mengiringi tarian Asyik ialah Serunai, Canang, Bonang, Gendang, Gong Ibu dan Gong Anak dan Kesi.



GERAK TARI ASYIK (Bahagian 1)

Berjalan Masuk

Kedua-dua lutut direndahkan. Tangan kiri dibawa ke aras dada dan hujung jari telunjuk dan ibu jari mengepit hujung selendang dan tiga jari yang lain dilentikkan. Sambil berlari anak kedua belah tangan melambai dari aras pinggang ke aras bahu.

Kaki kanan dihulurkan sedikit ke hadapan, lutut kaki kiri direndahkan. Tangan kiri diletakkan di peha kanan sambil tangan kanan melepaskan selendang ke belakang. Tangan kanan dibawa dari arah sisi. Telapak tangan kanan diletakkan di atas tangan kiri. Kaki dijangkitkan seterusnya membawa ke posisi duduk. Tangan kiri berada di atas paha kanan dan tangan kanan berada di atas tangan kiri.



Duduk Ulik Tubuh

Posisi badan dicondongkan ke belakang arah kanan. Badan diulik membentuk nombor lapan. Posisi duduk di atas tumit.




Sembah Buka Ulik Tubuh

Kedua-dua tapak tangan dalam posisi Lapik Sirih (telapak tangan menadah dalam keadaan kanan di atas telapak tangan kiri). Tangan dihulur ke hadapan badan. Badan dicondongkan ke hadapan mengikut arah gerakan tangan. Mata melihat ke arah hujung jari. Kedua-dua tapak tangan dirapatkan (posisi sembah) di bawa ke paras dada. Posisi duduk Simpuh Katak. Badan diulik membentuk nombor lapan ke kanan dan kiri.




Merpati Terbang

Duduk dalam posisi Simpuh Katak dan posisi badan dicondongkan ke arah kiri. Kedua-dua tapak tangan menghadap ke atas dengan jari lentik. Mata memandang ke arah hujung jari. Kedua-dua tangan diturunkan sambil badan dicondongkan ke sebelah kanan. Muka memandang ke sebelah kiri. Gerakkan tangan naik ke atas dan badan dicondongkan ke sebelah kiri. Mata memandang ke arah jari di sebelah kanan. Teknik gerakan yang sama diulang di sebelah kanan.



Tanduk Kerbau Mengambur

Duduk dalam posisi Simpuh Katak dengan badan condong ke hadapan kiri. Silangkan kedua-dua tangan dan dibawa ke hadapan sambil membuka silang ke aras mata pada posisi Tanduk Kerbau. Pergerakan badan dan tangan adalah serentak. Posisi badan menghadap 45° ke kanan dan digerakkan secara perlahan ke sebelah kiri. Kedua telapak tangan menghadap badan, jari digerakkan dan diturunkan ke bawah hingga pada aras pinggang. Pusingkan kedua pergelangan tangan keluar dan terus naik hingga ke aras mata pada posisi Tanduk Kerbau.



Sasang

Duduk pada posisi Simpuh Katak dengan badan condong ke hadapan kanan. Jari tangan kiri diletakkan di bawah siku tangan kanan. Mata melirik mengikut hujung jari tangan yang bergerak ke sebelah kiri. Posisi badan dicondongkan ke sebelah kiri. Pandangan mata akan beralih ke hujung jari tangan kiri yang digerakkan ke atas sebelah bahu kiri dengan hujung jari tangan kanan berada di bawah siku tangan kiri.



Tanduk Kerbau Kijang Mas

Tangan pada posisi Tanduk Kerbau. Mata memandang hujung jari tangan kiri. Tangan kanan membuat pusingan penuh. Kedua-dua tangan membuat pusingan penuh sambil badan diulik dan mata memandang ke arah jari.



Ketam Melimbai Duyung

Tangan kanan pada posisi lentik berada di sisi bahu kanan. Tangan kiri berada di bawah siku tangan kanan pada posisi jari Sepit Ketam. Badan dicondongkan ke sebelah kanan sambil memandang ke arah kiri. Badan digerakkan ke arah kiri diakhiri dengan pandangan gerakan tersebut ke sebelah kanan. Ulang gerakan yang sama dari kiri ke kanan.




Setukang Benang (Posisi Badan Sebelah Kanan)

Kedua-dua belah tangan dibawa ke arah kiri. Posisi duduk simpuh katak akan bertukar kepada simpuh sebelah kiri. Jari umpama menarik benang. Tangan sebelah kiri disilangkan ke atas tangan sebelah kanan. Seterusnya tangan sebelah kanan disilangkan ke atas tangan kiri. Kedua-dua belah tangan berada di sebelah kiri dengan posisi Ketam Melimbai Duyung. Posisi badan condong ke sebelah kiri dengan mata memandang ke sebelah kanan. Ulang gerakan sebelah kanan tanpa menukar posisi duduk.



Sembah Tari

Kedua-dua tapak tangan dalam posisi Lapik Sirih. Mata melihat ke arah tapak tangan. Tangan dihulurkan ke hadapan badan. Badan dicondongkan ke hadapan mengikut arah gerakan tangan. Mata melihat hujung jari. Kedua-dua tapak tangan dalam posisi sembah.



Gelombang Berdiri

Bangun dengan posisi kaki tumit berdiri. Kaki kanan menapak, dengan lutut kiri diletakkan di atas lantai (posisi Ketip Belalang). Bangun berdiri sambil tangan membuat gerak Gelombang.



Itik Berenang

Kaki kanan menapak ke hadapan dengan merendahkan lutut kanan. Kaki kiri dibawa ke belakang dengan menapakkan hujung jari kaki kiri. Lutut kaki kiri direndahkan



bersebelahan lutut kaki kanan. Badan bergerak ke hadapan dan ke belakang sambil tangan membuat gerakan posisi melentik. Mata hendaklah mengikut arah condong badan dalam posisi mengereng. Jika badan condong ke hadapan, mata memandang ke arah jari. Jika badan condong ke belakang, mata memandang ke 45° ke bawah. Ulang gerakan yang sama di sebelah kiri.



Gedik Itik

Posisi kaki sama dengan gerakan Itik Berenang. Kaki kanan menapak ke hadapan dengan merendahkan lutut kanan. Kaki kiri dibawa ke belakang dengan meletak hujung

jari kaki kiri. Lutut kaki kiri direndahkan 45° bersebelahan lutut kaki kanan. Badan bergerak ke hadapan dan ke belakang sambil kedua-dua tangan diangkat pada aras mata dengan jari membuat gerak Sepit Ketam dengan melentik ke atas. Mata hendaklah mengikut arah jari yang membuat gerakan melentik. Ulang gerakan yang sama ke sebelah kiri.

Ambil Selendang Lari Anak

Lutut kiri direndahkan. Badan dicondong ke belakang dan tangan kanan mencapai hujung selendang. Tangan kiri dipatahkan di hadapan dada dengan tapak tangan menghadap ke sisi sebelah kanan. Tangan kanan mencapai selendang di belakang sambil melurut ke atas hingga ke hujung selendang. Kaki menjengket sedikit dan berlari anak membuat satu pusingan dan menghadap ke hadapan.



Gelombang Duduk

Tangan membuat pergerakan seperti gelombang berdiri sambil bergerak duduk. Posisi kaki dalam posisi Ketip Belalang.



Seludang Menolak Mayang / Kipas

Posisi kaki dalam posisi Ketip Belalang. Kedua tapak tangan menadah ke atas. Kedua-dua belah tangan dihulur ke sisi kanan 45° sambil badan diliuk mengikut gerak tangan. Tangan ditarik ke arah badan pada posisi yang sama, badan dicondangkan ke belakang dengan pergelangan tangan dipusingkan pada aras pinggang. Tangan kanan dibawa rapat ke sisi pinggang sebelah kiri. Tapak tangan kanan dilentikkan ke atas, tapak tangan kiri dilentikkan ke bawah dalam posisi menghadap satu sama lain membentuk kipas. Jari telunjuk, jari hantu dan jari manis kedua-dua tangan digerakkan. (semasa membuat gerakan ini badan meliuk membentuk nombor 8)



Variasi Seludang Menolak Mayang

Posisi kaki pada posisi Ketip Belalang. Kedua-dua belah tangan ditolak ke arah 45° dan pusingkan pada aras pinggang. Kedua belah pergelangan tangan menadah ke atas, dibawa ke hadapan sambil jari menunjuk ke bawah. Pusing penuh pergelangan tangan menghala ke dalam.




Puja Jari

Posisi kaki pada posisi Ketip Belalang. Tangan kanan membuat pusingan mengelilingi tangan kiri. Apabila kedudukan tangan kanan melebihi jari kelingking tapak tangan kanan akan menghadap ke arah badan, ditarik ke atas. Pergelangan tangan dipusing ke arah luar. Kembali ke posisi asal. Gerak yang sama akan diulang pada sebelah kiri.




Cubit Kasih

Tangan kiri mencubit kain di paha kiri. Kedua-dua belah kaki dijengkitkan. tangan kanan dibawa ke atas sehingga pada aras mata dengan jari dilentikkan. Gerak ini membawa ke posisi duduk atas tumit.



Menidur Anak

Kedua-dua tangan berada di sisi sebelah kanan 45°, dan pergerakan silang tangan bermula dengan tangan kanan berada di atas tangan kiri. Telapak tangan kiri menghadap ke sisi manakala tangan kanan menyilang di belakang tangan kiri. Badan direndahkan mengikut arah pergerakan tangan. Gerakan yang sama diulang di bahagian tengah. Badan dicondongkan sedikit ke belakang. Dalam ragam ini mata hendaklah sentiasa melihat pergerakan tangan. Gerakan yang sama diulang di bahagian kiri. Semua pergerakan dimulakan dengan tangan kanan.




Tindih Kasih

Pergelangan tangan kanan bertemu dengan pergelangan tangan kiri. Jari tangan kanan 45° menunjuk ke atas, manakala jari tangan kiri 45° menunjuk ke bawah. Pergerakan posisi tangan bersilih ganti. Sambil posisi duduk atas tumit berubah ke posisi duduk simpuh katak



Gajah Gulung Belalai

Duduk pada posisi Simpuh Katak. Badan dicondongkan ke arah kiri sambil tangan kiri diletakkan di hadapan di atas lantai. Tangan kanan digerakkan mengelilingi tangan kiri, dan dibawa ke sebelah kanan badan sambil membuat pusingan di penghujung gerak. Tangan kanan dibawa ke sisi kanan ke aras bahu dan tangan dilentikkan ke atas. Mata memandang ke arah hujung jari. Gerakan yang sama diulang di sebelah kanan.



Lingkar Kasih

Pergelangan tangan kiri dipusingkan pada aras mata. Pergelangan tangan dibawa turun bertindih pada posisi tindih kasih dengan tangan kiri berada di atas tangan kanan. Sambil mengulik badan pada posisi 45°. Tangan membuat putaran nombor 8. Kembali pada posisi pergelangan tangan kanan berada di atas tangan kiri.



Berjalan Keluar

Posisi berdiri lutut kanan, punggung berada di atas tumit kiri. Tapak kaki kanan pada posisi menapak berada di sebelah lutut kiri sambil bangun melutut dan kedua-dua tangan dalam posisi sembah pada aras dada. Berdiri dengan kaki kanan dihulurkan sedikit ke hadapan, lutut kaki kiri direndahkan, tangan kanan melurus selendang hingga ke hujung selendang sambil diangkat ke aras bahu sisi sebelah kanan. Rapatkan kaki dan jengkitkan kedua-dua belah kaki berjalan keluar dengan berlari anak sambil kedua-dua belah tangan melambai di sebelah kanan dari aras pinggang ke aras bahu.



Pesta Angin Timur Perlis

OLEH : ELDAWATI BINTI LAUNG

Pesta Angin Timur anjuran Kerajaan Negeri Perlis serta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang dikelolakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perlis telah diadakan pada 03-05 Mac 2017 bertempat di Kampung Telela, Pauh Arau, Perlis dengan dihadiri lebih 100,000 orang pengunjung. Sebanyak 73 agensi kerajaan, swasta serta Badan Bukan Kerajaan (BBK) telah bekerjasama bagi menjayakan program ini. Pelaksanaan program ini menjadi penyumbang dalam penjana ekonomi khususnya bagi masyarakat negeri Perlis dan sekaligus mengangkat warisan seni budaya masyarakat tempatan.

Nama 'Pesta Angin Timur' diambil sempena peredaran musim sejuk kepada musim panas yang dibawa oleh angin dari sebelah timur ke negeri Perlis. Di waktu inilah padi sudah selesai dituai dan menanti petak sawah digenangi air semula untuk tanaman padi musim seterusnya.

Dengan berlatarbelakangkan suasana kampung, program ini mengetengahkan keaslian dan keindahan budaya tempatan dengan pengisian kepelbagaian aktiviti cara hidup masyarakat pesawah melalui acara-acara yang disediakan seperti Pertandingan Lumba Kerbau Besi, Pertandingan Kubota Berhias, Pertandingan Suara Burung Merbah Jambul, Pertandingan Petani Sasa, Pertandingan Memancing Ikan, Pertandingan Karaoke Lagu Pilihan Rakyat, Pertandingan Teka Berat Padi, Pertandingan



Pertandingan Suara Burung Merbah Jambul



Pertandingan Petani Sasa



Pertandingan Kubota Berhias

Gusti Lengan, Pertandingan Kayuh Gerek Dalam bendang, Pertandingan Sukan Rakyat Komuniti 1 Malaysia, Pertandingan Mengail Cili, Pertandingan Ayam Serama Cantik, Pertandingan Sepak Raga Bulatan, Pertandingan Futsal Bendang dan banyak lagi. Di samping itu, hadirin turut dapat menikmati keenakan masakan dan makanan tradisional tempatan.

Terdapat juga pelbagai jenis persembahan kesenian seperti Jikey, Dikir Barat, Ghazal Party, Mek Mulung, Pop Yeh Yeh dan persembahan daripada artis jemputan iaitu Noraniza Idris dan juga Tyka (Artis rancangan reality 3 JUARA), gerai-gerai dan pameran-pameran yang disertai oleh agensi/jabatan kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan, Gerai jualan, Soopa Doopa, Fun Fair dan banyak lagi.

Majlis Perasmian bagi program Pesta Angin Timur telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis pada 04 Mac 2017 jam 5.00 petang. Manakala bagi Majlis Penutup pula telah disempurnakan oleh YB Nurulhisyam bin Yaacob, ADUN Simpang Empat mewakili YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Arau pada 05 Mac 2017 jam 5.00 petang.



Persembahan Artis Jemputan Noraniza Idris dan Tyka (Artis Program Realiti – 3 Suara)



Antara jemputan VVIP



VIP melepaskan aktiviti Pertandingan Menggagau Ikan



Pertandingan Futsal Bendang



Pertandingan Lumba Kerbau Besi

KEUNIKAN SILAT

Kura-Kura

OLEH: ABDULLAH DEEN MOHD ZAIN

Silat Kura-Kura antara keunikan seni budaya yang terdapat di Negeri Terengganu. Silat ini berkembang di Hulu Terengganu terutama di Kampung Menerong dan Kampung Gunung Kuala Berang, Terengganu.

Menurut cerita yang disampaikan oleh guru tua Silat Kura-Kura Mohd Yatim Isa, 74 tahun, kisah bermula apabila seorang guru silat menyaksikan peristiwa 'perkelahian' dua kura-kura yang sedang berebut pisang hutan ketika sedang bertapa di sebuah gua di Hulu Paka, Dungun. "Kura-kura itu kelihatan berpusing-pusing sambil mengais-ngais pasir dengan gerak yang mengagumkan serta menghasilkan bunyi berdesir seolah-olah lagak orang bertarung. "Ibu kura-kura memarahi anaknya yang berjaya memakan pisang tersebut dengan menyondol-nyondol ekor ke tubuh anaknya sebagai tanda tidak puas hati," Menurutnya, peristiwa tersebut diingati guru silat berkenaan, sebaik tamat bertapa, beliau mempraktikkan gerak langkah kura-kura. "Keistimewaan silat ini diperturunkan kepada seorang perantau dari Hulu Berang bernama Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Pak Him. "Dari situ, Pak Him mengembangkannya pula di mukim Hulu Berang kepada penduduk yang dikenal pasti mampu mewarisi keunggulan silat tersebut antaranya ialah Yunus Mohamad (Pak Nus)," katanya.

Setelah kematian Pak Him, kesinambungan silat kura-kura diambil tanggungjawab oleh Pak Nus dan berjaya menarik penyertaan ramai pelatih baru di kawasan berhampiran. Bermula pada tahun 1970-an, silat yang beruniformkan pakaian serba hitam dengan baju bergaris merah di bahagian tepi dan belakang ini, kerap diketengahkan dalam pertunjukan ke serata tempat dan pernah mengadakan pertunjukan di Singapura.

Seni silat yang menekankan unsur-unsur kelembutan itu merupakan satu-satunya seni yang terdapat di Hulu Terengganu dan tidak ada di tempat lain di negara ini.

Bersempena dengan Majlis Perasmian 'Pesta Pantai Beautiful Terengganu 2017' bertempat di Pantai Batu Buruk Kuala Terengganu yang lalu. YB Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menyatakan hasrat untuk membawa Silat Kura-Kura ini ke luar negara. Menurutnya Silat Kura-Kura perlu ditonjolkan di luar negara kerana keunikannya. "Pelancong asing seperti Jepun, China, Korea dan Eropah begitu berminat dengan seni budaya dan tertarik dengan tradisi yang kita miliki, sekali gus mendorong kedatangan pelancong ke Malaysia," katanya.



Laman ASEAN

KUALA LUMPUR

EDITOR : BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI

Laman ini ditubuhkan melalui 5th ASEAN Square Sculpture Symposium

Tarikh : 20 Julai – 1 September 1987 (41 hari)

Tempat : Tugu Negara, Kuala Lumpur, Malaysia

Taman Arca : Laman ASEAN, Kuala Lumpur

Pengkarya : 1-Syed Ahmad Jamal (Malaysia),

2-Dolorosa Sinaga (Indonesia),

3-Han Sai Por (Singapura),

4-Jerusalino V. Araos (Filipina)

5-Itthi Khongkhakul (Thailand),

6-Abu Bakar Abdul Rahman (Brunei).

1. PENGENALAN

Laman ASEAN ini diwujudkan sebagai tanda hubungan kesatuan di antara negara-negara ASEAN. Laman ini juga dikenali sebagai 'Laman Arca Awam'. Sesebuah ruang dihasilkan untuk membina kesedaran serta pandang mulia. Faktor ruang memainkan peranan yang penting dalam memberi mesej kesedaran melalui bentuk yang nyata, dalam konteks ini adalah arca. Menjamin keberkesanan tipologi (fungsi, sifat) ruang yang serasi dengan kandungan adalah penting untuk memastikan ianya sentiasa serasi dan sesuai mengikut peredaran masa serta budaya. Dalam menilai sesebuah ruang, perlu dilihat berdasarkan konsepnya, rekaan bentuk dan penjelasan yang mendalam serta jelas dan tingginya infrastruktur kualiti ruang. Istilah 'ruang terbuka' merupakan istilah pertama kali diperkenalkan pada tahun 1833 oleh jawatankuasa dalam "jejak awam" di London (Ibrahim, Dali & Yusoff, 2013). Artikel itu menyatakan bahawa jawatankuasa ini juga dipercayai menjadi lembaga yang bertanggungjawab untuk menubuhkan jangka 'kawasan lapang' (seperti yang dipetik dalam Maruani dan Amit-Cohen, 2007, p. 4). Kebolegunaan dan reka bentuk ruang terbuka berkembang sejajar dengan perkembangan masa. Istilah 'kawasan lapang' adalah diterima pakai di seluruh dunia sebagai tempat untuk

pelbagai aktiviti seperti rekreasi dan sebagai tempat untuk bertemu dan bersosial. Ibrahim, Dali dan Yusoff (2013) menyebut bahawa:

Dalam konteks tempatan Malaysia, definisi kawasan lapang di bawah Seksyen 2 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) adalah "mana-mana tanah yang tertutup atau tidak tertutup, untuk menggunakan atau dicadangkan untuk digunakan secara keseluruhan atau di bahagian-bahagian orang awam taman-taman, taman-taman awam, sukan awam dan padang rekreasi, kawasan pelancongan, laluan atau tempat-tempat awam.

Laman ASEAN mempunyai tipologi (fungsi, sifat) kawasan lapang, taman yang telah dipilih berdasarkan peranannya dalam menyatakan tujuan sesebuah taman diwujudkan untuk pengabdian kenangan serta peristiwa. Penilaian tipologi ini akan memberi kesan kepada perancang bandar dalam menentukan tipologi yang berkesan untuk ruang awam pada masa depan ditauliahkan peringatan projek ruang awam.

1.1 DEFINISI TIPOLOGI SPACE

Stanley, Stark, Johnston dan Smith (2012) menyatakan bahawa percubaan pertama untuk merumuskan tipologi kawasan lapang di bandar moden tertumpu kepada morfologi (pembentukan kata), sebagai salah satu pendekatan dalam arkeologi (kajian sejarah, galian). Kawasan lapang dihuraikan sebagai "mengurung semua ruangan terbuka dalam bandar dengan dua jenis jalan atau dataran membentuk kurungan silang dengan bentuk asas geometri. Pendekatan tipologi yang timbul daripada disiplin seperti sosiologi dan sains politik, yang menyimpang dari sastera reka bentuk untuk memberi tumpuan kepada hubungan antara ruang bandar dan hubungan sosial, norma budaya, pembentukan kelas, dan politik-ekonomi kuasa. Ruang tipologi Awam bertujuan untuk mendamaikan.

1.2 DEFINISI SPACE MEMORIAL AWAM

Taman yang termasuk sebagai taman-taman bandar, taman-taman formal dan taman negara adalah ruang awam yang mempunyai rekreasi formal dan membolehkan pelaksanaan aktiviti komuniti serta ada juga beberapa taman khusus

yang direka untuk fungsi kebudayaan atau beroperasi sebagai ruang pelbagai guna sosial interaksi, rekreasi, dan ritual. Ruang awam adalah ruang yang mempunyai nilai memori atau memperingati peristiwa-peristiwa tempatan dan kepentingan nasional. Arca atau monumen gergasi yang dibina dengan skala yang sesuai adalah kepentingan ruang tersebut. Arca ini mengandungi mesej peringatan. Kebiasaannya, ruang yang menonjolkan ciri-ciri peringatan dalam konteks ini akan popular dan kerap mendapat sambutan daripada pengunjung. Tugu dikaitkan dengan pelambangan

kemenangan, peringatan yang merujuk kepada kehidupan atau kehidupan dikorbankan untuk set tertentu nilai. Memorial merangkumi kesedihan, kehilangan, dan penghormatan. Melalui memorial, kisah-kisah sejarah akan sentiasa diabadikan. Ketika ke taman awam ini, mereka tidak pergi untuk melihat kemusnahan akibat sesebuah bencana, tetapi untuk melihat dan memperingati nama-nama yang terkorban dalam sesebuah bencana (peperangan). Tugu peringatan kebiasaannya berfungsi sebagai penanda kesudahan sesebuah peristiwa atau konflik.

(Jadual 1) : TIPOLOGI URBAN SPACE

Diadaptasi daripada Carr, Francis, Rivlin dan Stone, 1992

JENIS KAWASAN TERBUKA	DISKRIPSI
TAMAN AWAM	
Taman Awam / Utama	Secara terbuka yang dibangunkan dan diuruskan secara ruang terbuka sebagai sebahagian daripada kawasan lapang dizonkan sistem bandar; ruang terbuka di seluruh bandar raya kepentingan; sering terletak berhampiran pusat bandar; lebih besar daripada taman kejiranan.
Taman Luar Bandar	Taman-taman hijau dengan rumput dan pokok-pokok yang terletak di kawasan pusat bandar; boleh menjadi tradisional, taman bersejarah atau yang baru dibangunkan sebagai ruang terbuka.
Taman Kejiranan	Ruang terbuka yang dibangunkan di kediaman persekitaran; dibangunkan secara terbuka dan diuruskan sebagai sebahagian daripada terbuka dan dizonkan sebagai ruang bandar, atau sebahagian daripada swasta baru pembangunan kediaman; boleh termasuk taman permainan dan kemudahan sukan.
Taman Mini / Taman <i>Pocket</i> Kecil	Taman bandar dikelilingi oleh bangunan; mungkin termasuk mata air atau ciri-ciri air.
DATARAN UTAMA	
Dataran dan Plaza	Persegi atau plaza; sebahagian daripada sejarah pembangunan pusat bandar; mungkin secara rasmi dirancang atau wujud sebagai mesyuarat tempat jalan-jalan; kerap dan secara terbuka dibangunkan dan diuruskan.
Memorial	Tempat awam yang <i>memorializes</i> orang atau peristiwa-peristiwa tempatan dan nasional kepentingan.

2. ARCA: CIRI-CIRI

Arca adalah salah satu pendekatan yang mendalam dalam penterjemahan simbol yang terkandung mesej yang kaya. Komponen terpendam dan nyata ini memberi kuasa kepada pengukir untuk menjadi pengantara mesej yang boleh dikongsi dan dirasakan oleh penonton. Mesej dan kesedaran muncul dari isu-isu yang didiskriminasikan yang mengandungi harapan positif ke dalam arca itu, boleh dihargai oleh penonton dan rasa bermakna sekiranya difahami dan diperluaskan mesej tersebut.

Arca adalah karya seni tiga dimensi yang dibentuk, diukir, direka, dihapuskan atau dipasang dengan menggunakan bahan-bahan seperti batu, kayu, logam, seramik atau plastik yang terletak di persekitaran kawasan terbuka dan boleh diakses kepada orang ramai. Arca awam pula terdiri daripada tipologi bandar yang luas dan pelbagai dimensi, yang bermula dari objek yang diletakkan di tapak untuk kerja-kerja berasaskan tapak, untuk kerja-kerja pembentukan objek dan realistik yang meneroka proses dinamik, seni dan biologi. Merupakan projek awam yang kelihatan sebagai sesuatu yang praktikal yang mempunyai konkrit dan makna yang jelas. Terdapat jumlah tugu-tugu yang didirikan untuk mengukuhkan ingatan beberapa peristiwa penting dalam sejarah yang berkaitan dengan tempat di mana monumen (arca) ini dibina. Arca mempunyai fungsi sosial dan telah berpindah dari seni khusus tapak berskala besar, ke dalam kerja dengan kandungan sosial.

3. TAMAN ARCA ASEAN (ASEAN GARDEN SCULPTURE)

Pembangunan ruang arca bersesuaian ini telah membenarkan pihak berkuasa, perancang bandar atau mana-mana organisasi yang terlibat dalam projek ini untuk mengaitkan kesesuaian ruang dengan jenis arca, ukiran atau lanskap yang dirancang. Dalam persoalan ini, Taman Arca ASEAN (Laman ASEAN) Kuala Lumpur, yang merupakan warisan sejarah serta peringatan bermakna kini dalam keadaan usang kerana tidak dikunjungi. Bersebelahan Tugu Negara ini ditempatkan Taman Arca ASEAN yang juga dikenali sebagai Laman ASEAN, simbol ketara tunggal untuk memberi penghormatan kepada kekuatan & kesatuan



antara ahli ASEAN (Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara) di Malaysia. Lanjutan dari kesatuan dan perpaduan di kalangan anggota, ASEAN telah mencadangkan untuk mewujudkan siri simposium (ASEAN Sculpture Symposium) yang mengumpul perintis seni negara untuk menggalakkan perpaduan antara ahli-ahli dalam konteks seni, dengan menterjemahkan ke dalam bentuk arca. ASEAN Sculpture Symposium adalah antara yang pertama projek Intra-ASEAN Cultural dalam seni halus dan ia bertindak sebagai simbol perpaduan ASEAN dan sebagai contoh kekayaan dan kepelbagaian tradisi budaya ASEAN.

3.1. SEJARAH TAMAN ARCA ASEAN

The Square ASEAN Pertama Sculpture Symposium telah bermula (1) dengan mempamerkan projek lima ukiran di Fort Canning Park, Singapura pada tahun 1981. Kedua (2) Square ASEAN Sculpture Symposium telah diadakan pada tahun 1983 di Universiti Chulalongkorn, Bangkok yang lima karya arca telah dipasang di Chatujak Park. Berikut adalah Square ASEAN Ketiga (3) Sculpture Symposium yang diadakan di Jakarta, Indonesia pada tahun 1984 di mana enam ukiran terletak di Taman Suropati. Seterusnya, Keempat (4) Square ASEAN Sculpture Symposium telah diadakan di Bandar Seri Bagawan, Brunei Darussalam pada tahun 1986. Tapak karya arca adalah di Batu 3 Jalan Tutong manakala Kelima (5) Square ASEAN Sculpture Symposium telah diadakan di Malaysia pada tahun 1987 dan enam ukiran berada di Taman Arca ASEAN, Kuala Lumpur. Taman ini adalah satu lagi usaha yang banyak dikendalikan oleh ASEAN untuk menyebarkan kesedaran mengenai semangat perpaduan, kerana secara retrospektif, masyarakat dalam tahun 1980-an belum

penuh menyedari kesatuan antara negara-negara ini dan juga kewujudan kerjasama ASEAN. Kerja-kerja arca yang dihasilkan oleh artis multinasional diperkaya dengan alam sekitar, rumput hijau dan kolam hiasan. Selain ASEAN, Majlis Perbandaran Kuala Lumpur adalah pihak berkuasa yang bekerjasama untuk menyumbang ruang taman tertentu dan proses penyelenggaraannya. Taman ini telah dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada tahun 1987 untuk memperingati ulang tahun ke-20 ASEAN. Arca-arca yang menyerikan taman adalah The Gate of Harmony oleh Dolorosa Sinaga, Ke Arah Keamanan oleh Han Sai Por, Progress oleh Itthi Khongkhakul, The Dance ASEAN oleh Abu Bakar bin Abdul Rahman, Barong-Barong oleh Jerusalino V Araos, dan Pertumbuhan oleh Syed Ahmad Jamal.

4. LOKASI

Lokasi taman boleh dianggap sebagai salah satu pembolehubah daripada kegagalan taman ini. Orang awam tidak mengakui dan menyedari kewujudan taman ini dan apa yang dipamer dan dibina. Kedua-dua tempat ini terletak di tengah-tengah pusat pentadbiran lama, Jalan Parlimen dan kemudiannya berpindah ke Putrajaya. Hal ini berikutan kerana kesesuaian tipologi ruang, taman secara kontekstual dalam menampung ukiran simbolik. Taman ini dibina pada tahun 1980-an ketika pihak berkuasa sedang mempromosikan pelancongan dengan nilai peninggalan warisan dan kebudayaan di satu kawasan dan tempat-tempat yang akan dipusatkan dalam radiasi pejalan kaki untuk membolehkan pelancong dan orang ramai menghargai peninggalan dan maklumat warisan negara dengan mudah. Kawasan laman ASEAN ini dilindungi dengan bangunan Parlimen dan merangkumi taman yang terletak dalam radius jarak kawasan pelancongan dari Tugu Negara.

Walaupun bagaimanapun, faktor masa, trafik, kekurangan promosi serta pergolakan daya tarikan baru pelancongan telah menyimpang kepentingan awam ke tempat yang berbeza. Awam dan pelancong lebih tertarik kepada pengalaman pelancongan yang baru dan pusat membeli-belah, dan kesannya adalah agensi-agensi pelancongan, pihak berkuasa dan orang ramai telah beralih kepada kawasan simbolik baru yang lebih komersial yang pembangunannya tumbuh tanpa henti bagaikan cendawan di tengah-tengah Kuala Lumpur.

5. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dalam tahun 1980-an, perpaduan ASEAN diterjemahkan dalam bentuk yang nyata dengan menjunjung mesej melalui arca. Tidak hairanlah pada masa itu, ukiran adalah salah satu ungkapan yang popular sebagai seni awam berbanding dengan masa kini. Sesungguhnya perpaduan adalah mesej yang kuat dan disampaikan melalui pengukir yang dipilih daripada setiap anggota ASEAN untuk menyertai simposium itu. Pengukir memegang kuasa untuk mempengaruhi perubahan sosial melalui kerja-kerja mereka dan memastikan makna ini juga ditafsirkan dan memaklumkan kepada orang ramai mengenai kesedaran kesatuan ASEAN. Walaupun bagaimanapun, kekurangan utama adalah tipologi tapak yang dipilih untuk ukiran adalah satu sumbangan daripada pihak perbandaran untuk mendedikasikan ruang arca berkonsepkan peringatan.



Sederap Kaki Melangkah

OLEH: HISHAM BIN MAT HUSEIN

Derap ...

*Sederap kaki melangkah, pasti ada keberangkalian
terbit fajar mencerna onak duri, sinar bening belum pasti
mengorak langkah segar belum pasti dalam genggaman.*

Derap

*Titik halus pasti terpancar mekar mengamit rindu,
dalam pelukan masih dalam igauan mimpi.
Hakiki pasti mekar tanpa nokhtah,
lambaian perit maung harung jua.*

Derap ...

*Gegak gempita pasti riuh sekampung.
Mencanang hamparan sepekan laung.
Cahaya sinar semakin pudar tenggelam dek gempita,
bagai sepi sang pendita.*

Derap ...

*Mengaum teriak gegar halua deria,
tekad azam membedai segala halangan,
berdiri utuh menaungi hamparan waktu.
Derap langkah pasti jitu..*



INDAHNYA



OLEH : RAHMAT BIN HJ MD NOH

Semua orang khususnya yang berbangsa Melayu mengenali apa itu songkok. Berbentuk kecil dan ringan, tetapi peranannya di dalam masyarakat bangsa Melayu cukup penting. Penggunaan songkok amat popular di rantau ini sama ada di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan di Selatan Thailand.

Pemakaian songkok menjadi satu tradisi dan sinonim dengan bangsa Melayu. Ianya telah diguna pakai sejak lama dahulu. Songkok dipercayai dibawa oleh pedagang-pedagang Islam dari India yang datang berniaga di rantau ini. Ianya juga ada kaitan dengan perkembangan agama Islam yang tersebar luas sehingga ke Tanah Melayu apabila songkok digunakan sebagai salah satu pemakaian ketika melakukan ibadat solat. Walaupun bukan sesuatu yang diwajibkan, tetapi sudah tentu nampak lebih sopan bila mengerjakan solat dengan memakai songkok.



Pemakaian songkok kebiasaannya dipadankan dengan baju Melayu yang lengkap berkain sampin. Akan kelihatan janggal sekiranya pemakaian baju kebangsaan ini tidak disertai dengan pemakaian songkok. Sebab itu setiap kali menyambut Hari Raya Aidil Fitri, songkok adalah perkara kedua yang dibeli selepas membeli baju melayu untuk dipakai semasa solat sunat Hari Raya. Di kalangan masyarakat Melayu juga, pemakaian songkok telah diamalkan sejak kanak-kanak lagi terutama ketika belajar mengaji al-Quran. Ibubapa akan membelikan songkok baru kepada anak lelakinya yang dihantar mengaji terutamanya pada hari pertama.



Sejak lama dahulu, songkok diperbuat daripada kertas yang dibalut dengan kain baldi berwarna hitam. Warna-warna lain juga boleh digunakan mengikut kesesuaian si pengguna untuk disedondonkan dengan pakaian yang dipakai. Walaubagaimanapun majoriti pemakai lebih selesa memakai songkok berwarna hitam. Rakyat biasa juga lebih suka membeli songkok yang dibalut dengan kain baldi biasa sebagai

pemakaian di hari-hari biasa kerana ianya lebih murah dan mudah dibeli di mana-mana. Songkok yang dibalut dari kain baldu halus pula kebiasaannya digunakan pada majlis-majlis tertentu dan istimewa seperti pada Hari Raya Aidil Fitri, majlis kenduri perkahwinan dan sebagainya. Songkok jenis ini sudah pasti dijual dengan harga yang sedikit mahal berbanding songkok biasa kerana mutu dan kualitinya yang sangat memuaskan.

Terdapat dua jenis ketinggian songkok yang dijual dengan permukaan atasnya rata dan atas tinggi. Songkok yang jenis atas tinggi terdapat tiga lubang ditebuk bagi tujuan pengudaraan supaya tidak berkuap dan panas. Saiz songkok pula berbeza-beza mengikut ukur lilit kepala si pemakai. Kebiasaannya songkok dibuat sederhana tinggi tetapi ada juga yang suka memakai songkok yang bersaiz tinggi. Pemakaian songkok yang tingginya sehingga lima inci biasanya dipakai oleh masyarakat yang hidup sebelum tahun 60 an lagi. Songkok dewasa dengan ketinggian tiga inci pula adalah yang biasa dipakai manakala yang ketinggian tiga setengah inci adalah lebih segar dipakai di majlis-majlis keraian. Terpulang kepada si pemakai mengikut cita rasa masing-masing dalam memilih ketinggian songkok yang hendak digunakan.

Songkok juga diguna pakai apabila menghadiri majlis-majlis rasmi yang perlu mengikut protokol terutamanya di majlis yang melibatkan istana. Begitu juga jika menghadiri atau masuk ke Dewan Undangan Negeri @ Parlimen yang sedang bersidang. Setiap jemputan perlu memakai songkok berwarna hitam sebagai syarat mematuhi peraturan etika berpakaian.



Selain itu, songkok juga mempunyai jenis-jenis kegunaan sebagai tema pekerjaan dan pangkat si pemakai. Ada di antara organisasi kerajaan yang memakai songkok berwarna yang melambangkan identiti pekerjaan terutama di dalam istiadat-istiadat yang memerlukan songkok dipakai. Contohnya songkok berwarna biru untuk pegawai-pegawai jabatan laut atau songkok berwarna hijau untuk anggota-anggota angkatan tentera. Songkok yang dipakai juga mempunyai nilai dan lambangnya tersendiri dan hanya orang-orang tertentu sahaja yang layak memakainya. Ini dapat diperhatikan kepada lambang yang terdapat di songkok tersebut yang memberi tanda pangkat atau ketinggian darjat si pemakainya.



Peranan songkok juga mencerminkan adab dan budaya bangsa Melayu ketika bakal pengantin lelaki menghadiri majlis akad nikah. Di majlis seperti ini, calon pengantin lelaki akan mengenakan pakaian serba putih atau warna-warna lain yang menjadi pilihan pasangan tersebut tetapi songkok yang dipakai akan tetap berwarna hitam. Adalah dianggap tidak sopan jika calon pengantin lelaki pada waktu ini tidak memakai songkok apa tah lagi majlis begitu dihadiri oleh kedua belah pihak keluarga.



Songkok juga dijadikan sebagai pelengkap kostum di dalam persembahan tarian yang berentak asli, zapin, joget dan inang. Kebiasaannya baju yang dipakai oleh penari lelaki adalah baju melayu bersampin. Songkok yang digunakan selain daripada berwarna hitam, lain-lain warna juga diguna pakai untuk disesuaikan dengan warna kostum yang digunakan.

Pada masa yang tertentu, songkok juga dipakai ketika berada di dalam situasi kesedihan atau kematian. Mereka yang datang berziarah ke rumah si mati yang beragama Islam akan dilihat lebih sopan memakai songkok. Lanya juga sebagai tanda penghormatan kepada keluarga si mati yang sedang diselubungi kesedihan. Ketika ini, songkok yang dipakai sama ada dengan berpakaian baju melayu, berkain pelikat atau berpakaian baju kemeja.

Pematuhan memakai songkok lebih diberi perhatian jika berlaku kemangkatan Sultan atau Raja sesebuah negeri. Bagi rakyat yang beragama Islam, songkok yang dipakai pada waktu itu akan dililit dengan kain putih selama beberapa hari mengikut tempoh bergabung sesebuah negeri tersebut.

Begitulah pentingnya peranan songkok sejak dahulu hinggalah ke hari ini yang dipakai bukan sahaja oleh lelaki dewasa tetapi juga kanak-kanak. Lanya telah menjadi lambang identiti masyarakat Melayu yang sopan dan beragama islam.



PERKONGSIAN ILMU

Seloka & Dondang Sayang

OLEH : ZURIAH MOHAMAD

SELOKA (Sumber : Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu)

- Puisi bebas yang tidak terikat.
- Tidak berangkap. Jika berangkap, tidak tentu jumlah larik serangkap dan jumlah perkataan selarik.
- Memakai rima atau tidak.
- Kebiasannya memerlukan beberapa larik yang berurutan untuk dapat menyatakan satu keseluruhan idea.
- Seloka mengandungi sindiran, jenaka, usikan dan gurauan.

'Seloka' berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu 'shloka' atau 'anustubh' yang bermakna suatu bentuk puisi, yang terdiri daripada dua larik; tiap selarik mengandungi 16 suku kata yang tersusun dalam empat unit, berupa susunan panjang dan pendek suku kata (guru dan lagu).

Contoh seloka :

- Mahabharata dan Ramayana adalah contoh karya yang dikarang dalam bentuk seloka.
- Seloka Melayu adalah asli ciptaan masyarakat Melayu sendiri ialah:

Seloka 'Emak Si Randang':
 Baik budi emak Si Randang
 Dagang lalu ditanakkan
 Tiada berkayu rumah diruntuh
 Suami pulang kelaparan
 Anak dipangku diletakkan
 Kera di hutan disusui.

Seloka 'Pandai pak Pandir'
 Pandai Pak Pandir

Anak dipijak, dagang dijinjing
 Kucing dibunuh, tikur dibela
 Harta habis badan tergadai
 Mendengar gelagak dagang
 Tak sedar bertelanjang
 Mendengar guruh di langit
 Air di tempayan dicurahkan.
 Mulut kena suap pisang
 Buntut kena cangkuk onak
 Gunting makan di hujung
 Pak Pandir juga yang menanggung.
 Apa didengar gelagak dagang
 Gelagak rambutan jantan
 Orang berbunga dia berbunga
 Orang berbuah dia haram
 Kilat memancar hujan tak jadi
 Awak juga kecundang..

DONDANG SAYANG

- Nyanyian yang popular di kalangan masyarakat Melayu dan Cina Peranakan di Melaka.
- 'Dondang' bermakna nyanyian.
- 'Dondang sayang' bermaksud mengulit kasih.
- Berasal daripada nyanyian istana zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka, nyanyian ini keluar dari lingkungan istana dan dipopularkan oleh para pembesar yang masih menaruh minat terhadapnya. Pada masa itu,nyanyian dondang sayang masih





merupakan puji pujian tentang kebesaran kerajaan Melayu Melaka, dan kesedihan kerana kejatuhannya.

SEJARAH DONDANG SAYANG

Sejarah Melayu ada mengisahkan Wan Benai menghiburkan Sang Nila Utama dengan nyanyian dan ulitan pantun kasih sayang. Sewaktu Sang Nila Utama berkelah ke Tanjung Bambam bersama-sama isterinya, diiringi para pembesar serta isteri masing-masing mereka menyanyikan lagu berentak dondang sayang. Apabila orang kampung mendengarnya, mereka tertarik. Jadilah lagu itu, nyanyian ibu ketika mendodoikan anak dan kemudian diminati pula oleh anak muda.

Apabila lagu dondang sayang semakin diminati ramai, lagu ini didendangkan dengan iringan rebab, rebana dan tetawak, dan kemudian menjadi kegemaran Baba Melaka. Sambutan orang Riau pula lebih hebat, hinggakan sebelum persembahan joget atau tarian, lagu dondang sayangnya yang diperdengarkan dahulu, seolah-olah lagu pembuka majlis.

Kini persembahan dondang sayang diiringi alat muzik seperti biola, rebana, gong atau tetawak, gendang dan akordian. Alat muzik ini ialah satu gabungan yang simbolis yang mencernakan satu sejarah kegemilangan negeri Melaka pada masa dahulu. Rebana berasal dari Timur Tengah, biola berasal dari Portugis dan gong

warisan pedagang Cina. Daripada gabungan ini, lahirlah peralatan muzik dalam dondang sayang. Bagaimanapun, alat muzik yang penting ialah biola, rebana, gong atau tetawak, sementara alat sampingan ialah akordian dan gendang.

Persembahan dondang sayang dimulakan dengan gesekan biola, diikuti tingkahan rebana dan gong. Pada waktu yang sama pantun dondang sayang akan dinyanyikan. Jumlah pemantun tidak terhad tetapi berpasangan. Mereka mendendangkan pantun empat kerat secara berlagu dengan berbalas-balas pantun sesama mereka. Pemantun akan mendendangkan lagu mengikut muzik yang dimainkan. Setiap pantun soal harus dijawab oleh pemantun seorang lagi. Sekiranya pentun itu tidak terjawab, maka penyanyi yang ketiga boleh mengambil alih nyanyian itu. Tajuk pantun juga tidak ditentukan. Pantun dalam dondang sayang mempunyai lebih kurang 99 tajuk yang harus diingat dan dihafal. Masa juga tidak dihadkan, dan kebiasaannya satu-satu acara itu akan selesai hingga subuh. Bagaimanapun, dalam majlis perkahwinan, dondang sayang akan ditamatkan oleh pemain atau tuan rumah mengikut waktu.

JENIS DONDANG SAYANG

- Dondang sayang Melaka
- Dondang sayang Baba Peranakan


BAHASA MELAYU -SOSIOLINGUISTIK-


OLEH : ZURIAH MOHAMAD

Bahasa merupakan alat yang efektif dalam membentuk perpaduan di antara masyarakat pelbagai kaum. Sering juga menjadi medium kepada pihak pemerintah khususnya dalam merencanakan sesuatu tindakan dalam membentuk dan menggubal perpaduan. Namun, wujudnya pandangan berkaitan penggunaan pelbagai bahasa dalam sesebuah masyarakat yang akan menyebabkan berlakunya perpecahan. Namun terdapat takrifan yang dikatakan bertepatan adalah apabila sesuatu masyarakat/tamadun mengaplikasikan penggunaan satu bahasa yang mana ianya akan mendorong kepada berlakunya perpaduan. Menyokong kenyataan ini akan diperjelaskan di dalam huraian selanjutnya.

Sistem Pendidikan Pelbagai Aliran adalah satu sistem yang mendorong kepada penggunaan pelbagai bahasa sebagai bahasa pengantar. Berlakunya perkara ini kerana setiap aliran sekolah yang wujud adalah tujuan utamanya untuk memelihara etnik masing-masing. Perkara ini menjadi satu kebimbangan kerana telah tercatat sebagai sejarah hitam dalam sejarah Malaysia, contohnya berlaku rusuhan antara kaum pada 13 Mei 1969 yang berpunca dari kegagalan sistem pendidikan pelbagai aliran yang ditinggalkan oleh penjajah British. Apabila matlamat seperti ini wujud di antara perjuangan sekolah pelbagai aliran, ini menunjukkan bahawa etnik tersebut dalam usaha memperjuangkan

bahasa ibunda setiap etnik. Akibatnya, wujud pelbagai acuan yang berbeza-beza khususnya dari aspek bahasa dan jati diri. Perkara ini didorong oleh faktor pengasingan yang berlaku sejak dari zaman kanak-kanak kerana bersekolah dalam aliran yang berasingan. Malaysia adalah negara yang mempraktikkan sistem sekolah pelbagai aliran dengan memiliki tujuh aliran di dalamnya. Antara tujuh aliran ini seperti sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah aliran agama, sekolah swasta, sekolah antarabangsa dan yang ketujuh adalah sistem belajar di rumah. Pasti ketujuh-tujuh aliran tidak dapat membentuk satu bahasa sebagai bahasa pengantar di dalamnya. Menurut Laporan Centhra memetik Prof Sharon Carsten pada 2014 yang mendapati orang Cina Malaysia mempunyai "perasaan negatif terhadap penggunaan bahasa kebangsaan". Memperjelaskan tentang kenyataan ini, adalah kerana berlakunya pengasingan kanak-kanak pelbagai kaum di sekolah yang berlainan alirannya. Selain itu, perkara yang lebih membimbangkan tentang kegagalan membentuk perpaduan melalui bahasa dengan merujuk kenyataan Prof Dato' Dr. Teo Kok Seong pada 2015 yang mendapati 604 daripada 14,000 peserta Program Latihan Khidmat Negara di 79 buah kem di seluruh negara pada 2010 "tidak boleh bercakap dalam bahasa kebangsaan". Kenyataan ini membuktikan bahawa wujudnya jurang di





kalangan masyarakat dalam menguasai satu bahasa sebagai bahasa pengantar. Oleh yang demikian, sistem pendidikan pelbagai aliran ini memberikan impak kepada pembentukan integrasi nasional melalui medium Bahasa yang selari dengan pandangan tentang penggunaan pelbagai bahasa dalam sesebuah masyarakat yang akan mengundang perpecahan di antara kaum.

Sistem Pendidikan Satu Aliran yang hanya menggunakan satu bahasa sebagai pengantar seperti yang diamalkan di beberapa buah negara seperti Singapura, Indonesia dan Thailand telah membuktikan bahawa berlakunya perpaduan di kalangan rakyatnya. Pelaksanaan sistem ini mendorong pelajar dari pelbagai kaum untuk berkongsi satu bangunan sekolah serta belajar bersama-sama. Perkongsian ini akan memberi ruang dan peluang untuk mewujudkan satu sesi pergaulan yang panjang di antara pelajar pelbagai kaum. Peranan besar penggunaan satu bahasa sebagai bahasa pengantara dalam komunikasi sesama pelajar secara tidak langsung akan membuahkan perpaduan nasional. Hasil dari sistem pendidikan satu aliran ini hanya akan bepaksikan kepada penggunaan satu bahasa sebagai pengantar yang pada jangka masa panjang akan melahirkan satu jatidiri sayangkan negara dan bangsa dengan satu fahaman bahasa. Sebagai contoh yang terbaik adalah dengan mengambil Indonesia sebagai model. Negara Indonesia telah melahirkan satu bangsa iaitu bangsa Indonesia dengan tidak menjadikan kaum

sebagai pembezanya serta bertepatan dengan pandangan tentang penggunaan satu bahasa mampu untuk membentuk perpaduan yang baik dan harmoni.

Selain itu, bahasa sebagai 'lingua franca' juga mampu untuk mewujudkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum. Contohnya sejarah telah mencatatkan tentang bahasa Melayu sebagai bahasa 'lingua franca' telah mencapai kegemilangan lalu di zaman kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke 15. Bahasa ini digunakan oleh pelbagai kaum termasuklah penjajah Potugis, British dan Belanda bagi tujuan perdagangan dan juga hubungan diplomatik. Dalam konteks perpaduan, sekiranya ia mampu diaplikasikan secara menyeluruh pada masa kini, peranan bahasa dapat membentuk satu perpaduan di antara kaum di dalam sesebuah negara khususnya Malaysia. Namun begitu, penggunaan pelbagai bahasa sebagai bahasa perantara ini menjadi begitu berleluasa. Sekiranya ianya menjadi satu amalan berterusan, pastinya matlamat mewujudkan perpaduan melalui penggunaan satu bahasa tidak dapat direalisasikan.

Kesimpulannya, bahasa adalah satu alat yang efektif dalam membentuk perpaduan di kalangan pelbagai kaum. Namun begitu, kaedah pelaksanaannya haruslah berada di landasan yang tepat. Pelbagai peringkat lapisan masyarakat perlu memandang kepentingan nasional dari aspek perpaduan untuk mengatasi segala kepentingan diri mahupun mana-mana etnik melebihi segalanya.



Persoalan ini mungkin sudah biasa kita dengar, sama ada media sosial yang lahir seiring perkembangan telefon pintar 'smartphone' memberi kebaikan ataupun keburukan kepada kita. Persoalan ini jugalah yang menghadirkan pelbagai jawapan serta pendapat daripada pelbagai pihak yang disokong dengan fakta, statistik serta hujah-hujah tertentu. Sudah pasti semua jawapan yang diberikan itu tidak salah kerana persoalan yang dilihat mungkin berbeza-beza mengikut pemahaman serta pengalaman individu yang menggunakannya.

Namun begitu, agak menarik juga untuk dikongsi bersama sekiranya persoalan ini kita kupas dari sudut agama. Penerimaan media sosial dewasa ini sungguh meluas serta melibatkan semua lapisan masyarakat tidak kira kecil besar, tua muda, lelaki ataupun wanita, tidak seorangpun yang mahu ketinggalan dalam menggunakan aplikasi media sosial baru seperti 'Facebook', 'Twitter', 'Blog', 'Whatsapp', 'Sms', 'Instagram' dan sebagainya.

Perkembangan media sosial ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pegangan agama yang kita anuti. Sesungguhnya agama Islam sama sekali tidak menghalang kemajuan atau pemodenan, namun tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa nikmat media sosial hari ini telah bertukar wajah membentuk satu fenomena yang sangat membimbangkan. Banyak unsur-unsur kemungkaran telah timbul, membesar, membiak serta mencetuskan wabak dalam masyarakat kita melalui media sosial ini. Bukan sahaja melibatkan pendedahan aurat di sana sini, fitnah memfitnah, membuka aib

orang lain yang sudah tidak menjadi asing lagi, malah berani melemparkan tuduhan, saling menyalahkan antara satu dengan yang lain sehingga menimbulkan kegusaran, menjadi punca pergaduhan suami isteri dan komuniti, seterusnya mewujudkan budaya mencaci seolah-olah sebatini menjadi sebahagian daripada rukun budaya media sosial.

Masyarakat hari ini lebih cenderung menyibuk dan mendekati diri dengan pelbagai isu serta masalah duniawi yang lebih bersifat realiti masa kini. Masyarakat khususnya umat Islam seakan lupa dan terleka bahawa agama Islam yang kita anuti, mempunyai rukun iman yang wajib dipercayai akan adanya hari kebangkitan selepas kematian. Terlalu sedikit masyarakat yang menggunakan kelebihan media sosial untuk meningkatkan kefahaman agama serta melayari bahan-bahan berunsurkan kerohanian, keagamaan dan akhlak yang baik sebagai bekalan kehidupan selepas mati.

Sebagai manusia, yang membezakan kita dengan makhluk ciptaan Allah yang lain adalah akal fikiran. Melalui akal fikiran inilah Allah telah memuliakan kita serta membolehkan kita meneroka segala aspek kemajuan serta kemodenan yang memberi manfaat semula kepada manusia, sebagai contoh ialah kemajuan media sosial masa kini. Namun begitu, pengaruh dunia maya dan kenipisan iman kadang-kadang berjaya menjadikan kita seorang makhluk yang kotor lidahnya, buruk penanya, pendusta, terburu-buru, rendah akhlak dan maruahnyanya. Perkara yang diciptakan untuk memberi manfaat sebaliknya mendatangkan

mudharat kepada manusia juga. Semuanya tergantung kepada pertimbangan akal fikiran kita dalam membuat keputusan sama ada baik atau buruk. Sehubungan dengan itu, Allah memberi anugerah kepada kita di atas setiap pilihan yang kita pilih sama ada betul atau salah melalui dosa atau pahala, syurga atau neraka. Jadilah insan yang bijak memilih untuk keabadian serta faedah yang berpanjangan.

Semua ini membuktikan bahawa dalam menangani fenomena media sosial ini, agama dan akal fikiran perlu berjalan seiring. Apa sahaja berita dan cerita yang muncul di media sosial akan jadi harmoni jika dicerna oleh akal fikiran yang berlandaskan agama. Kebijaksanaan mengolah berita dan cerita ini juga sangat memerlukan sifat malu dan taqwa. Kebangkitan arus media sosial tanpa kita pelawa telah mencetuskan budaya baru dalam konteks perhubungan serta komunikasi. Masyarakat tidak boleh menidakkan penerimaan kemajuan ini sebagai sebahagian daripada doktrin kemajuan serta kemodenan masa kini. Namun begitu, sebagai makhluk ciptaan Allah yang dikurniakan akal fikiran sudah tentu menjadi tanggungjawab kita untuk menilai serta menggunakan kemajuan teknologi ini agar lebih dekat kepada Allah.

Budaya media sosial tidak boleh dibiarkan menguasai kewarasan kita sebagai hamba Allah. Jadikanlah ia sebagai budaya yang mencorakkan kepribadian kita untuk menjadi insan yang berilmu, luhur budi pekerti, bersopan santun, tenang dan sabar. Mari kita jadikan setiap detik masa yang diluangkan pada halaman media sosial sebagai jambatan kebaikan dan saham menuju akhirat. Pastikan jari jemari kita menjadi pena yang menulis tentang apa sahaja perkara ma'rif atau kebaikan supaya timbangan Mizan kita menjadi berat hasanaatnya. Bersegeralah kita membentuk iman dan hati kita supaya menjauhi fitnah, cacian serta hinaan dan juga permusuhan sesama manusia.

Sesungguhnya semua ini akan kita tinggalkan, apa yang kita bawa adalah ketaqwaan kita kepada Allah.

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi Muhammad s.a.w bersabda: "Apabila seorang anak Adam mati putuslah amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, atau ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain atau anak yang soleh yang berdoa untuknya."
(Hadith Sahih - Riwayat Muslim dan lain-lainnya)

Fikirkan dan renungkanlah semoga memberi manfaat kepada kita semua.



PERANAN MEDIA SOSIAL DALAM *Seni & Budaya*

CABARAN DAN HARAPAN

OLEH : JASMI BIN RASIT



Dewasa ini perkembangan pesat media sosial seiring dengan kepesatan dunia sains dan teknologi. Tidak dapat dinafikan perkembangan medium baharu media sosial mendatangkan implikasi baik dan buruknya dalam pembangunan seni dan budaya. Usaha pembangunan seni dan budaya seharusnya seiring dengan kepesatan dunia sains, teknologi dan komunikasi masa kini. Jika dibandingkan dalam lingkungan tahun 90-an medium penyebaran maklumat seni budaya terhadap kepada saluran media cetak dan elektronik sahaja. Medium media sosial mula diperkenalkan di Malaysia sekitar awal tahun 2000 di mana medium sosial seperti Friendster (2002), Myspace (2003), Facebook (2004), Youtube (2005), Twitter (2006), Instagram (2010), WeChat (2012) dan sebagainya tumbuh umpama cendawan selepas hujan. Dalam masa yang sama, perkembangan teknologi peranti komunikasi turut mempengaruhi budaya masyarakat terhadap seni dan budaya serta kehidupan seharian. Revolusi medium komunikasi seperti telefon dan komputer contohnya telah banyak berubah dan diperbaharui. Kewujudan peranti telefon pintar umpamanya memberi kemudahan dan faedah yang membolehkan pengguna mendapatkan maklumat di hujung jari.

Bagi menghadapi cabaran dan perubahan medium penyampaian maklumat masa kini yang lebih terarah kepada komunikasi maya, kita seharusnya mengambil peluang untuk menggunakan elemen ini sebagai usaha pengembangan seni dan budaya. Lebih-lebih lagi kecenderungan penggunaan medium baharu media sosial kini majoritinya dipelopori

oleh golongan muda. Jika tiada usaha dijalankan adalah dikhuatiri golongan-golongan muda lebih cenderung terpengaruh dengan segelintir seni dan budaya asing yang kurang sesuai serta bercanggah dengan budaya tempatan di mana ianya amat mudah disebar, menular dan diterokai melalui rangkaian jaringan media sosial dan internet. Sebagai contoh, budaya Kpop dari Korea kini amat digilai menjadi trend sebilangan golongan muda-mudi yang mana ianya jauh tersimpang dengan identiti budaya dan kesenian masyarakat tempatan negara kita. Ia juga turut mempengaruhi fesyen pakaian, gaya rambut, tarian, bahasa, percakapan dan pergaulan. Selain itu, pengaruh yang lebih negatif seperti pergaulan songsang LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender) turut mudah mempengaruhi golongan muda yang jelas bercanggah dengan norma, nilai dan etika masyarakat Malaysia khususnya. Kemasukan dan penularan pengaruh dan budaya luar ini sememangnya sukar dibendung dalam dunia tanpa sempadan, namun usaha mengimbangi dan menyaingi melalui penyebaran serta penyaluran seni dan budaya tempatan yang lebih meluas perlu dilakukan berterusan.

Kekayaan, keunikan dan keindahan seni dan budaya tempatan seperti tarian Joget, teater Bangsawan, muzik Ghazal, wayang kulit, MakYung, pantun, gurindam, busana tradisional dan sebagainya adalah aset penting negara yang perlu diwarisi dan dikembangkan khususnya dalam situasi mengekang banjir pengaruh-pengaruh luar. Media sosial adalah medium yang paling mudah dan berkesan bagi menyokong usaha ini selaras dengan

perkembangan teknologi pada masa kini. Sebagai contoh, rangkaian aplikasi video atas talian youtube adalah platform yang paling popular untuk memuatnaik video di alam maya. Aplikasi ini boleh dimanfaatkan dengan usaha memuatnaik video-video mengenai seni budaya umpamanya tutorial memakai kain sampung, mengikat tengkolok, pemakaian busana tradisional, memasak makanan tradisional selain video berkaitan seni muzik atau tarian tradisional yang boleh dijadikan panduan dan rujukan pengguna. Selain itu, video-video berkaitan nilai-nilai murni juga boleh dikongsikan umpamanya rakaman spontan yang menunjukkan usaha atau perlakuan murni yang dilakukan oleh seseorang atau pihak yang memberi inspirasi dan kesedaran kepada masyarakat.

Penggunaan medium media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram boleh diaplikasikan dalam bentuk yang lebih positif dengan perkongsian bahan-bahan ilmiah berkaitan seni dan budaya Malaysia umpamanya maklumat seni budaya di sesuatu negeri contohnya penerangan mengenai sejarah kemasukan tarian Dabus di Perak umpamanya. Secara tidak langsung perkongsian maklumat seni budaya di laman media sosial ini dapat dikongsi serta dimanfaatkan untuk pengetahuan pengguna lain. Maklumat ini lebih menarik dan berkesan dengan sokongan gambar dan infografik yang berkaitan. Selain itu, fungsi live streaming yang ada pada medium Facebook dan Instagram boleh dimanfaatkan untuk menyediakan

laporan secara langsung mengenai aktiviti-aktiviti seni budaya seumpama siaran lintas langsung yang kebiasaan dilakukan oleh stesyen-stesyen televisyen samaada dalam bentuk temuramah mahupun siaran langsung acara persembahan. Dengan adanya fungsi ini, secara tidak langsung memudahkan pengguna mendapatkan maklumat terkini dengan cepat, pantas walau di mana sahaja dengan kos yang minima.

Kuasa media sosial tidak dapat dinafikan dalam penyampaian maklumat dengan cara yang paling pantas, mudah dan efisien. Medium mesej pantas umpamanya aplikasi whatsapp dan telegram dapat dimanfaatkan dengan penyebaran maklumat, makluman dan berita aktiviti seni dan budaya kepada golongan sasaran yang tepat dan menyeluruh. Sebagai contoh, maklumat poster digital atau klip video promosi program boleh disebarluarkan melalui group whatsapp atau telegram dengan pemilihan golongan sasaran yang tertentu. Maklumat ini akan ditularkan secara berangkai daripada pengguna kepada pengguna yang lain secara berterusan. Bayangkan dalam tempoh yang singkat maklumat seni budaya yang ingin disebarkan dapat disampaikan ke seluruh negara dengan kos dan masa yang paling minima.

Pelbagai medium media sosial lagi boleh diaplikasikan dalam usaha menyebarkan pembangunan seni dan budaya seiring dengan kepesatan serta peredaran zaman. Usaha untuk meneroka dengan lebih dalam serta meningkatkan kreativiti dalam penyampaian maklumat seni budaya melalui media sosial perlu dipergiatkan bagi memastikan seni dan budaya tetap relevan buat selama-lamanya.



Kebudayaan & Kesenian

OLEH : ABDUL MUTALIB ABDUL RAHMAN (AMAR)*


Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Persoalan atau subjek berkaitan Kebudayaan dan Kesenian sering kali kedengaran dalam forum, seminar atau sebarang pertemuan waima diskusi di hotel mahu pun sembang di kedai kopi. Ada lontaran soalan yang berbunyi 'Kebudayaan dan Kesenian atau kesenian dan kebudayaan? Sering kali soalan sebegini didengari, berapa ramai yang telah bertanya dan berapa ramai yang menjawabnya dengan pasti. Seandainya ada jawapan, apakah justifikasi yang diberi terhadap jawapan kepada soalan ini?.

Sering kali juga ditemukan istilah kesenian mendahului kebudayaan dan rekod membuktikan bahawa istilah kebudayaan menyusul selepas kesenian boleh ditemui di mana-mana sahaja. Penting sangatkah persoalan di atas? Tepuk dada tanyalah pandangan sendiri. Waima kesenian atau kebudayaan yang perlu dihadapkan, apakah memberi kesan kepada pembangunan aktiviti? Ada juga yang berpandangan bahawa dua perkataan berkenaan tidak memberi perbezaan makna yang besar pun.

Mungkin logik itu diterima lantaran kita selalu mendengar orang menyebut 'Persembahan Kebudayaan' apabila menyajikan persembahan tarian, muzik dan sebagainya yang merupakan cabang seni. Kenapa tidak pula disebut persembahan kesenian? Persembahan kesenian seperti tarian, nyanyian, muzik dan lain-lain genre seni berkemungkinan telah mewakili budaya pelaku dan khalayaknya. Mungkin juga mewakili sejarah, perkembangan tamadun dan memberi gambaran kepada peradaban sesuatu kelompok?

Budaya dikaitkan dengan setiap liku kehidupan manusia tentang apa yang dibuat, diamal dan diwarisi. Ruang lingkupnya mengambil posisi yang sangat luas, merangkumi apa sahaja perlakuan manusia sama ada dari setiap sudut pandangan, evolusi, asal usul, peradaban dan tamadun serta sejarahnya. Tradisi, transisi, sosok dan sisi seni budaya akan bergerak dinamik serentak dengan corak kehidupan seorang manusia sejak dari dalam perut ibu, lahir dan mati.



Penyalahgunaan budaya menjurus kepada kepincangan masyarakat itu sendiri. Rosak budaya rosaklah madani milik masyarakat dan kesannya bakal menjejaskan peradaban sesuatu bangsa. Oleh sebab itu, pembinaan Negara Bangsa turut mengambil kira bagaimana kebudayaan dan keseniannya dapat dipertahankan.

Usaha memartabatkan kebudayaan dan kesenian mahu tidak mahu seharusnya berdasarkan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK). Mengimbas semula entiti DKK, semua pihak wajar meletakkan Kebudayaan asal rantau ini sebagai teras pelaksanaannya. Pada masa sama, sebarang unsur kebudayaan luar boleh diguna pakai jika wajar dan bersesuaian dengan budaya setempat – sementelahan kita bernaung di bawah panji negara majmuk dan berbilang bangsanya. Martabat budaya perlu sama berpaksi kepada falsafah ketiga DKK yakni Islam sebagai unsur penting; tatkala Islam diangkat sebagai agama rasmi Persekutuan. Prinsip kesejahteraan, kesederhanaan dan menyeru kebaikan sudah pasti meletakkan budaya di peringkat tertinggi andai Islam menjadi teras kepada budaya – maka di situlah tegaknya martabat kebudayaan.

Budaya berbudi, berbahasa, bantu-membantu, kerjasama, gotong royong, berderau dan saling mengenali misalnya telah berakar umbi sejak sekian lama. Apabila sistem langit terbuka dan berbagai-bagai faktor penarik serta penolak, sistem itu seakan mula terhakis. Warisan ini sedaya upaya dimartabatkan melalui berbagai-bagai aktiviti kemasyarakatan atas berbagai-bagai jenama. Martabat kebudayaan diusahakan untuk diangkat secara berterusan walaupun segelintir masyarakat menerimanya dalam keadaan memandang sebelah mata. Adat resam, istiadat, amalan turun temurun sentiasa dimartabatkan melalui aktiviti pengembangan, pemuliharaan, penyelidikan, perantisan dan sebagainya.

Cara hidup manusia meliputi akal fikiran dan daya cipta adalah budaya seperti kata sarjana. Kalau ini yang diterima bermaksud kebudayaan itu terjangkau kepada semua aspek kehidupan manusia dan seni itu sendiri dianggap sebagai sebahagian cabang utama yang menjadi dahan kepada pohon budaya yang rimbun. Kesenian sebagai cabang budaya sering kali diajak



untuk bergerak seiringan. Lantaran itu, usaha memartabatkan kebudayaan dianggap sebagai usaha memartabatkan kesenian.

Berbicara tentang seni seumpama bercakap mengenai kecantikan dan estetika; itu kata sebahagian dari seniman, juga budayawan. Nilai estetika dalam kesenian sangatlah subjektif. Sangat kompleks untuk kita menilai kejayaan hasil seni kerana manusia dikenali sebagai makhluk ego yang mempunyai pandangan tersendiri dan melihat dari sisi berbeza.

Ada yang berpendapat bahawa martabat kesenian itu akan berada di tangga atas sekiranya penggiat, khalayak dan pentadbirnya mempunyai kepakaran terhadap bidang yang diceburi. Dalam erti kata yang lain teori ini bermaksud seandainya orang yang berpengetahuan dalam bidang seni berbahasa seharusnya dia bakal seniman bahasa yang tuntas, begitu juga kalau mahu lakonan menjadi hebat di kalangan masyarakat, pelakon itu harus mempunyai ilmu lakonan.

Pengetahuan seni tidak boleh diukur dari helaian ijazah kerana pengamalan dan pengalaman telah diakui menjadi universiti yang tiada taranya. Juga di sebalik ilmu dan pengalaman, martabat kesenian juga berkait rapat dengan bakat kesenimanannya penggiatnya. Garapan ilmu dan kebolehan disulam dengan komitmen boleh memungkinkan martabat kesenian itu terus mendapat tempat yang baik.

Wujud kemungkinan genre seni yang sangat luas bidangnya itu akan menjadi sukar dimartabatkan apabila nilai komersial dijadikan penanda aras. Baik seni pementasan, seni tampak, permainan tradisional, seni pertahanan diri dan sebagainya akan wujud pertembungan norma apabila dijual beli. Dalam konteks hari



ini, kesenian bukan sekadar hobi mengisi masa lapang tetapi martabatnya seolah-olah dinilai dari pulangan dan berapakah hasil yang diperoleh. Justeru kesenian bukan sahaja dinilai dari sifat ilmu pengetahuan khalayaknya malah dari kebolehpayaan memberi manfaat kewangan.

Apa jua yang digelar kesenian baik hiburan di kota dan desa, baik acara tradisi menyambut pengantin, berkhatan, berlewang perut, meminang dara pujaan, menyambut menantu hatta adat minum teh sekali pun, tidak akan terpisah dari budaya masyarakat selagi ianya masih diterima pakai. Selagi setiap ahli masyarakat memandang kebudayaan dan kesenian sebagai lambang jati diri bangsanya, selagi itu usaha memartabatkannya akan terusan dibuat. Namun apabila segelintir pihak meletakkan tanggungjawab berkenaan di atas bahu satu pihak sahaja, usaha ini akan sedikit terbantut; mungkin.

Dalam konteks yang lebih besar, sejarah membuktikan bahawa kebudayaan dan kesenian yang mengisi ruang lingkup kehidupan masyarakat di Malaysia terlalu banyak. Apatah lagi dengan penerimaan umum bahawa sebahagian darinya merupakan antara negeri yang tertua di rantau ini. Hakikat ini sudah pasti bahawa tamadun budayanya berkembang lebih awal. Kebudayaan dan Kesenian bergerak bersama denyut nadi rakyat yang memegang teguh kepada nilai-nilai murni dan pegangan agama. Sebutlah apa sahaja bidang – sukan rakyat, persilatan, pergendangan, lukisan, perubatan tradisional, kesusasteraan, adat resam, tarian, lakonan, muzik dan berbagai

lagi dalam senarai panjangnya telah berjaya diserlahkan.

Untuk memartabatkan kebudayaan dan kesenian, gandingan mantap antara kerajaan, swasta dan awam harus dilipatgandakan. Para karyawan, seniman, budayawan harus disokong dari setiap sudut oleh pihak-pihak berkaitan. Pada masa sama, seruan kepada setiap penggiat untuk melakukan anjakan paradigma perlu disambut. Cabaran berkenaan bukan untuk meringankan tanggungjawab agensi pelaksana tetapi lebih kepada supaya setiap penggiat berfikir di luar kotak. Perubahan seiring perubahan masa yang sesuai dan tidak melanggar teras DKK harus jika wujud keperluan. Martabat kebudayaan dan kesenian tidak akan menjadi semakin baik seandainya kita selesa berada di zon yang sama dan terlalu mengharap. Cukup senang untuk kita menuding jari tanpa kita melihat ke cermin dan bertanya diri sendiri – apakah sebenarnya destinasi kita dalam bidang kebudayaan.

Eksperimen ke arah menjadi lebih baik dan maju akan jadi sebahagian pemangkin kepada usaha memartabatkan kebudayaan dan kesenian. Keberanian mencuba yang baru tanpa membuang terus yang lama akan menjadi ubat mujarab kepada kelangsungan kesihatan kesenian. Titik tolak kepada semua usaha ialah kesungguhan, keikhlasan dan kesepaduan. Berpadu dan bersatu dalam satu gerakan sudah pasti akan memberi pulangan yang lebih lumayan berbanding bergerak secara sendirian dan menongkah arus. Tua bukan ukuran lebih bijak dan muda bukan ukuran lebih kuat. Kalau yang lama dan yang baru diletakkan dalam acuan, mungkin menu ini lebih sedap dihayati.

Nota: Tulisan ini adalah pandangan peribadi penulis.

HILANG NILAI

OLEH: SAPINAH BINTI ISMAIL

Hilangnya nilai-nilai budi bahasa di kalangan generasi masa kini adalah amat membimbangkan. Malaysia kini sedang menuju era ekonomi maju, namun sayang sekali, nilai budi bahasa kian terhakis. Dalam era globalisasi ini, nilai-nilai murni semakin hilang bukan sahaja di kalangan generasi muda dan kanak-kanak malah turut melibatkan orang dewasa.

Banyak faktor yang mempengaruhi hilangnya nilai-nilai murni khususnya kepada golongan muda pada hari ini. Kesibukan ibu bapa dengan kerjaya mereka menjadikan anak-anak kurang mendapat perhatian dan bimbingan secukupnya hingga mempengaruhi mereka mengalihkan perhatian lebih kepada media sosial.

Kewujudan internet melalui jaringan sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Tumblr, Youtube, Google dan banyak lagi yang kian menular telah memberi impak besar kepada kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Hari ini, tohmahan, fitnah, kata-kata kesat diguna dan diperkatakan secara meluas tanpa segan silu. Kepesatan teknologi menjadikan kita semakin hilang budi bahasa yang selama ini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Dalam media sosial, pendapat dan perasaan orang lain tidak dihiraukan. Budaya tular perkara-perkara yang berbau fitnah dan tuduhan disebarluas tanpa usul periksa. Rentetan tindakan tersebut, banyak impak negatif dapat dilihat, antaranya ialah tidak menghormati orang tua, menjadi samseng jalanan, bercakap kasar, wujudnya gejala buli antara para pelajar sekolah, membuang sampah merata-rata dan lain-lain lagi.

11 Februari 2005, Kementerian Kebudayaan dan Warisan (KEKWA) telah melancarkan kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni. Kempen yang dicetuskan oleh Tan Sri Dato' Seri



IGNYA MURNI

Utama Dr. Rais bin Yatim semasa memimpin KEKWA ini, berjaya mengejutkan kita yang terlena dalam mengejar fatamorgana hidup sehingga sanggup merendahkan tahap budi bahasa kita.

Tidakkah terkesannya kempen tersebut setelah 11 tahun perlaksanaannya? Adakah era globalisasi lebih berjaya menakluki generasi kini? Hebatnya tsunami globalisasi. Melihat kepada keadaan sekarang, wujud persoalan, adakah budi bahasa bukan lagi menjadi budaya kita?

Suatu ketika dahulu, satu majalah di Malaysia telah menyiarkan hasil kajian kesantunan di 36 bandar raya di dunia. Hasilnya, Kuala Lumpur menjadi bandar raya kedua paling 'biadab'. Kajian ini amat membimbangkan dan memalukan kita. Justeru, kempen seumpama ini haruslah diadakan secara berterusan bagi menangani gejala yang semakin menular yang akhirnya akan merosakkan anak bangsa kita.

Dalam usaha menangani isu ini, kerjasama daripada pelbagai pihak amatlah dialu-alukan. Melentur buluh biarlah dari rebungnya. Justeru, pihak sekolah perlu turut memainkan peranan untuk sama-sama membantu membanteraskan gejala seumpama ini. Pelbagai aktiviti kokurikulum harus dipergiatkan secara lebih berkesan dengan menerapkan amalan nilai-nilai murni. Kita perlu sedar bahawa aktiviti kokurikulum merupakan wadah yang paling berkesan dalam membentuk amalan nilai-nilai murni dalam diri para pelajar. Peranan guru

adalah sangat diharapkan kerana guru ibarat arkitek pembangunan manusia yang menjadi salah satu individu yang berjaya menakluki jiwa anak-anak hingga akhirnya berdikit-dikit mampu memupuk amalan budi bahasa di kalangan pelajar.

Ibu bapa menjadi tunggak utama yang wajib memainkan peranan menangani isu ini. Mereka harus menjadi contoh terbaik di mata anak-anak dalam usaha memupuk amalan budi bahasa di kalangan anak-anak. 'Bagaimana acuan, begitulah kuihnya,' begitulah peribahasa yang membawa maksud bahawa peribadi serta perlakuan ibu bapa akan menjadi ikutan kepada anak-anak. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa merupakan guru pertama dalam kehidupan anak-anak sejak dalam rahim ibu lagi. Hal ini membuktikan bahawa ibu bapa merupakan ejen pembentukan karakter anak-anak yang paling ampuh untuk melahirkan insan yang kaya budi bahasa.

Kesimpulannya, bahawa amalan budi bahasa amat mustahak kepada negara dalam usaha mencapai taraf negara maju yang disegani dunia kerana nilai kesantunan itulah yang menggambarkan hati budi, akal budi, sahsiah diri serta peribadi individu.



OLEH : DJAZLAM ZAINAL

Ayat yang pertama turun kepada Rasullullah adalah Iqra iaitu membaca. Ini menunjukkan betapa pentingnya membaca untuk umat manusia. Sekiranya manusia tidak membaca, kurangnya ilmu yang ada padanya. Membaca adalah tingkap peradapan manusia kerana dengan membaca semua ilmu akan dapat diakrapi dalam kehidupan sehariannya. Amat mustahil bagi seseorang individu itu untuk memiliki dan meraih segala ilmu dengan usaha dan pengalamannya sendiri. Semakin banyak membaca semakin banyak ilmu pengetahuan yang kita ada.

Bagi seseorang yang ingin menjadi seorang penulis kreatif misalnya, membaca karya penulis-penulis lain adalah proses paling singkat untuk mengutip dan mengumpul maklumat. Calon penulis yang tidak membaca karya orang lain adalah penulis yang bergelumang dalam keasyikannya sendiri. Calon penulis seperti ini tidak mungkin akan menghayati mindanya

dengan ilham atau pun bahan karangan. Penulis-penulis besar yang telah berjaya di dalam dunia pengkaryannya sama ada di Malaysia atau luar negara, mempunyai khazanah bacaan yang luar biasa. Mereka bukan sahaja pakar dan ahli dalam penulisan tetapi juga merupakan gedung ilmu hidup dan bergerak. Para penulis besar sastra di Malaysia seperti Shanon Ahmad, A. Samad Said, Usman Awang, Keris Mas, Arena Wati (sekadar menyebut beberapa nama) mempunyai khutubkanah atau perpustakaan peribadi yang cukup luas. Setiap hasil tulisan yang dihasilkan (atau akan dihasilkan) telah bermula dengan rujukan dan pembacaan yang teliti dan berkualiti. Membaca pada pengarang-pengarang ini bukan bacaan biasa tetapi bacaan yang menelaah, mencari intipati dan kewajaran kepada hal itu dipertuturkan dan ditulis dalam sebuah buku.

Membaca karya sastra mempunyai dua proses iaitu pemahaman dan penginterpretasian. Standley Fish dari Amerika ialah orang yang mula-mula memberikan tumpuan khusus pada teori respon pembacaan. Sebelum ini ada teori resepsi yang lebih fokus kepada penikmatan. Dan inilah teori yang kebanyakan dilakukan oleh pembaca awam. Mereka membaca karya hanya kerana ingin menikmati keindahan dan kemurnian cerita. Tahap pembacaan seperti ini adalah tahap pembacaan paling minima sebagai seorang pembaca. Tetapi sebagai pembaca serius, mereka mempunyai dua lapisan pembacaan iaitu semiosik dan semiotik. Semiosik merupakan pengalaman semasa dalam proses membaca dan semiotik ialah analisis dan kritikan terhadap teks bacaannya. Umberto Eco mengusulkan agar pembaca dapat menangkap aspek semiosik, iaitu pengalaman untuk mengetahui cerita atau pemikiran dasar cerita tersebut. Sementara lapisan semiotik pula adalah pada aspek semantik yang cuba memahami tentang apa-apa yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui tanda-tanda, simbol atau penanda.

Ada beberapa pengarang yang saya ketahui sangat serius dengan pembacaannya antaranya A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh dan Anwar Ridhwan. Bagi pengarang negara jiran ialah Pramoedya Ananta Toer. Mereka membaca buku-buku terpilih sahaja yang akan memberi impak kepada penulisan karyanya nanti. Buku yang mereka baca juga

tidak hanya buku sastera tetapi meliputi semua bidang seperti politik, ekonomi, agama, sains, falsafah serta teori seni. Dapatan-dapatan dari pembacaannya itulah yang akan menjadi resepi dan bumbu kepada karyanya. Dengan ini karya mereka begitu mendunia (global) dan dapat diterima oleh semua golongan pembaca sama ada golongan intelek, menengah dan pembaca biasa.

Banyak anggapan bahawa membaca teks sastera sebenarnya membaca pengalaman pengarang selain membaca pegangan, sikap dan falsafah yang terangkum dalam sejumlah pengalaman pengarang. Bagi pembaca yang telah membangunkan intelektual pembacaannya, ia mampu menggabungkan kesedaran pembacaan pembaca dengan kesedaran kepengarangan pengarang. Dialektikal antara pembaca dengan bahan bacaannya (teks) bermula sebaik sahaja pembaca mengalami aspek eksposisi teks. Pembaca akan menghargai keunggulan teks atau menghumbkannya ke keranjang sampah. Tetapi ini jarang berlaku kepada pembaca serius kerana pemilihan awal telah menunjukkan bahawa karya pilihan yang hendak dibacanya adalah melepasi saringan awalnya iaitu kualiti. Di sinilah dinamisme bacaan kepada pembaca serius melonjak keaktifan dan kreativiti pembacaannya.

Begitu pembaca menemui keseronokan membaca, ia dengan cepat akan menangkap manusia-manusia watak dan peristiwa serta penghalang-penghalangnya. Seseorang pembaca yang telah menemui formulanya, ia akan melangsungkan bacaan tanpa merasa bimbang mendapat manfaat daripada pembacaannya. Ia tidak akan mengulangi pembacaan untuk mencari jangkauan imaginasi yang terpesong dengan kefahaman yang sedia ada, sebaliknya akan terus mencari pengukuhan yang datangnya daripada pembacaan yang sebelumnya.

PENGALAMAN PEMBACAAN SERIUS ANUAR NOR ARAI TERHADAP NOVEL 'JANJI PARAMARIBO' KARYA MALIM GHOZALI PK

'Janji Paramaribo' menggerakkan sejarah bangsa Jawa-Melayu Nusantara di Surinam, suatu gambaran dan pemerhatian pengarang yang berwaspada dengan suara-suara kecil dan terasing. Idea menjadi material melalui waktu yang panjang, menjadi instrument, menjadi manis dan pahit bersilih ganti dalam mimpi dan harapan yang tidak ada arah tertentu. Tetapi pengarangnya mampu memperkayakan mimpi manusianya, menjadi kerinduan, 'a transient community' yang berintiti baru, cita-cita, dengan ritma dan tempo sosiopolitik baharu. Berlandaskan kerinduan meninggalkan kampung halaman dan tanah asal, emosi bertambah tegang, perbezaan asal usul,



agama, sensitiviti politik dan kedudukan sosial tambah bercelaru.

Kasan, watak utama dalam 'Janji Paramaribo', menjadi manusia yang sensitif terhadap perubahan sosial dan politik. Mitos dan tradisi membentuk Kasan menjadi kuat dan pantas, dan menjadi ragu serta kecewa secara pantas juga. Mimpinya, mimpi ayahnya, mimpi bangsa yang terkandas di Surinam ialah mimpi yang berjuang dalam politik Surinam, sekadar mengisi dirinya yang dirasakan perlu membentuk identitinya dengan temperament keindividualannya yang semakin memuncak dalam dirinya.

'Janji Paramaribo' juga mendasari jiwa besar Kasan yang lebih kompleks daripada ayahnya. Sekiranya Kromosuwito Dikromo memenuhi dirinya dengan keyakinan agama, dan daripada keturunan baik-baik dari Surabaya, yang dapat bebas hidup di Surinam dengan memberikan simpati pada kebodohan dan kejahilannya tentang janji-janji Belanda, Kasan pula ialah anak muda yang mudah buntu dan putus asa bila berhadapan dengan birokrasi Surinam, atau berhadapan dengan orang-orang penting di Surinam. Kasan seorang penggiat gerakan sosial melalui ilmu pencak silat yang mampu melupakan tanah tumpah darah ayahnya, tetapi sentiasa memeluk cita-cita membebaskan

Surinam daripada politik yang tidak menentu.

Kasan ialah watak yang simpatik kepada perjuangan, tetapi sikapnya yang eksploitatif dan manipulatif, terlalu jujur, lembut dan terlalu langsung sehingga mudah dipermainkan oleh orang di sekitarnya seperti Leisberg dan Ganggadin. Kasan tidak berupaya mendapat stature pemimpin Surinam kerana kelembutan dan rasa kalah ayahnya tetap hidup dalam dirinya.

Teori 'respon pembacaan' menjadi semakin penting kepada mereka yang sering terbelenggu oleh masa untuk membaca secara santai dan bersenang lenang...

RUJUKAN

- S.M. Zakir – Merenungi Dunia Naratif, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016
 Abdul Rahman Napiah – Pembacaan Idealistik Teksdealisme, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016
 Anuar Nor Arai – Janji Paramaribo : Alangkah Manisnya Kemenangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016
 Malim Ghozali PK – Janji Paramaribo, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992



I was called to handle a few hours of English class for JKKN officers in conjunction with the Meeting of Cultural Officers with the Director General of the National Department for Culture and Arts which was held on 16-18 December 2016 at Dorsett Hotel, Putrajaya.

I was a bit nervous how it would turn out as I was without any teaching experience and basically an introvert. Weary I was, I remain composed and ventured accordingly knowing that I have always used the language, it wasn't alien to me and was basically my cup of tea. But in the presence of crowds, among them being my superiors as students, well that painted a different story altogether...

However, as the class progressed, I started to build confidence back by the unusual attention gathered from the audience. I sighed with relieve when it was finally over and recollecting the event, the students showed great response, it was like telling that effective communication was in place with everyone enjoying and having fun that day.

My father used to say if you want to be close to someone, try to live with them or try to speak their language. I was lucky as my acquaintance to English started early at home and my father was always around for us to do so many things together in English. As the Malay proverb "Tak kenal maka tak cinta" goes (you can't love what you don't know)" I got to be passionate with the language and started to explore its benefits. I soon had fun writing letters to pen-pals; I appreciate listening to English radio channels and watched basically English shows and movies without the need to go through the subtitles, sometime sang and often read in English.

As I confided to the students, the early exposure was effective to embrace English readily in their daily life. However for those inopportune, they will need to put up an extra effort to "get back in shape" as English language requires constant practice. Will it be worthwhile their effort? What importance and change can English bring about to their personal life and career?

I have listed a few points as motivational tips:-



A good communicator in English is seen different. Being different is good thing, you would be able to brand your own unique persona. In the early years of Malaysia independence, the English language was spoken among and associated with British expatriates and Malay aristocrats.

You will be able to build up better rapport and networking with embassies, private institutions and corporates that uses English as their medium of instruction. Even government agencies like Ministry of International Trade and Industry (MITI), Attorney General Chambers (AGC), Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) et cetera...we wouldn't be undermined when dealing with them.

English skills get more respect, speakers are seen to be more educated and upscale, provided you speak the right English, but then again some may not agree with me ...as people judge the other on their inner worth, not the language they speak. But, till the time everyone begins doing it, learn English so that you are not judged unfairly.

English gets you more knowledge from latest research in science, technology, humanities and almost everything today happens in English. You can either learn English to share in that knowledge or refuse to do that and trying to reinvent the wheel in your own language. Former is better and it also gives you a chance to make that knowledge available in your own language.

English makes travel easier as English is the most widely spoken language all over the world. If you know the language, you have an open window to most of the countries in the world. That's a big advantage unless your goal in life is to remain within your own country for good.

Great entertainments and literature are in English. Hollywood is the biggest movie industry. Almost all prominent books in the world are either written or translated into English. English language music is huge. Why would you want to miss out on such a huge body of fun and mind expanding stuff?

Knowledge of English creates friends from the world over.

Yes. People not from your state, people not from your country, people not from your continent.

There are so many wonderful people in the world. It would be great if you can communicate with them and see which ones can be good friends, which ones are fine as just acquaintances and which ones you should run away from?

English communication renders power & influence.

Knowledge is in English, knowledge is power and you need power to fight for yourself. Most of the modern day knowledge and communication tools work in English:

Courts, law books, websites – most of them work in English.

Social media works in English.

Mainstream media has a majorly influential English segment.

If you don't know the language, you are denying yourself more than half the weapons.

English helps the world know our culture

This is important as we are in the business of promoting culture. The world today is not about forcing people, it's about convincing them. It's called soft power. With English we are able to present our multi-cultural facets to visitors of the world in the best possible way.

English helps us to be more innovative

With immense information available in English, these can be capitalized to bring new ideas and inventions forward and break new grounds. To break new ground, you need to know where all people have reached and use that knowledge. You can't do that by shutting yourself off because of your language barrier.

Next, how to start learning English effectively, as adults we gone through schools and universities, and yet our English command doesn't commensurate proportionately throughout our life. As I see it, we just simply don't use it after years of learning the language. It did not come

handy to us while we are complacent using our Bahasa Malaysia to get around and some are not 'eager' to change the status quo.

Introducing English for Communication class.

English for Communication training is part of the job enrichment initiative by JKKN coherent to the department's new visionary goals for 2017. The initiative is to promote and enhance JKKN staffs to use English at their workplace and subsequently engrained as part of their newfound love and communication culture. Through their effort, the Department hopes to create more versatile cultural officers capable to meet the demands of the wider world.

Spoken English for Beginners module is the initial phase of the training programme and will kick start this year for duration of 3 months each and attended by staffs at Headquarters.

It is hoped that on completion of the class, students would have grip to more vocabulary, avoid 'manglish', build up their parts of speech and responsive to use the right tenses along the way.

Soon students will be able to differentiate and be objective when dealing with sentences, among others, the following intricacies:-

I will go there versus I will be going there;

I went there versus I have gone there versus I have been there; and

Are you going there? Versus you are going there, aren't you?

...and they can rest assured too that they are under good hand as the instructor to the class is one of their kind, whom would be more accommodative to problem facing a lot us Malaysian learning English language.



Kasih

YANG BERTAUT

OLEH : SHAHRIZAL ABDAN

Ketika hujan rintik mulai turun, aku diam terpaku merenung panjang di jendela sambil desir angin menyapa manja. Daun-daun kering gugur dan bergulungan terbang di tiup angin. Pagi suram itu memerangkap diriku dalam kancah pergelutan jiwa. Mengimpikan sebuah kebahagiaan mendampingi sang suami sebagai pelengkap hidup. Tapi itu hanyalah angan-angan nyata kerana tak semua kegembiraan itu berakhir dengan tawa. Aku masih bersendirian dalam ruang bilik tidur tanpa teman. Kehilangan keinginan untuk keluar melihat ruang-ruang rumah yang bergantung hiasan-hiasan gambar. Masih termangu berdiri diam-diam di jendela, di antara rak-rak baju dan almari solek. Mata meliar memandang sekeliling. Sunyi itu membikin hati ku semakin remuk dan bayang wajah ibu mulai melintas dengan riak gembira apabila aku menyatakan ingin berumah tangga. Ya, ibu sumber kekuatan aku, kerana ayah sudah tiada lagi. Ayah dijemput Illahi sewaktu usiaku masih muda. Ketika itu, aku baru berusia lapan tahun. Ayah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Aku masih ingat bagaimana sedihnya kami sekeluarga tatkala menerima khabar duka yang dibawa orang kampung. Ayah keluar untuk menoreh getah di awal pagi dengan motorsikalnya. Sebelum keluar, ayah mencium dahiku. Aku menguntum senyum bila ayah mencium dahiku kerana ayah suka bergurau. Namun kuntuman senyum itu tidak kekal lama apabila mendapat berita tentang malapetaka yang menimpa ayah. Air mataku mencurah membasahi pipi tanpa sempat ditahan. Aku seolah tidak dapat menerima berita yang meruntun jiwa kecilku ketika itu. Namun apakan daya, inilah takdir kerana tembakan takdir tidak pernah tersasar. Aku terpaksa kuatkan diri untuk menerima

kenyataan yang amat sukar itu. Aku masih ingat bagaimana sebaknya ibu dengan berita itu. Namun ibuku seorang wanita yang kuat. Jarang sekali dia menunjukkan kesedihan di hadapan kami berlima. Kini ibu terpaksa menggalas tugas sebagai ayah dan ketua keluarga kepada kami semua. Ibu perlu keluar awal pagi untuk mencari rezeki di kebun getah milik seorang hartawan di hujung kampung. Hasilnya akan dibahagi sama rata antara ibu dan tuan empunya kebun. Hanya itu sahajalah pekerjaan yang mampu dilakukan oleh ibu. Kerana ibuku tidak belajar tinggi. Kehidupan kami ketika itu hanya berharap kepada batang-batang getah. Jika hujan berpanjangan, ibu tidak dapat menoreh. Ketika itu, kami terpaksa mencatu makanan kerana pendapatan ibu akan berkurangan. Begitulah rutin kami yang hidup dalam serba daif. Namun, kami faham akan kesusahan yang dihadapi, kami tidak memintaminta daripada ibu untuk memenuhi kehendak diri. Biarlah orang lain bergaya dengan seluar dan baju baharu di sekolah, biarlah mereka bergaya dengan kasut berjenama dan stoking putih bersih.

Aku tidak peduli akan semua itu, kerana aku sudah bertekad bahawa kesenangan itu adakalanya tidak menjamin untuk berjaya dalam pelajaran. Aku seperti biasa hanya mengenakan baju dan seluar lusuh yang koyaknya ditampal oleh ibu. Makan ku juga tidak seperti mereka yang memilih



menu di kantin sekolah. Aku hanya makan makanan yang dibekalkan ibu.

Mujur juga ada pohon-pohon getah yang masih memberi rezeki kepada ibu. Aku tidak dapat mengagak apa akan jadi 20 tahun akan datang kiranya pohon-pohon getah itu ditebang dan tanah diratakan. Ketika itu, akan muncul pula hutan-hutan batu yang berceracak dan gedung-gedung besar milik orang lain. Apalah yang mampu ibu buat ketika itu, kerana ibu seorang yang anti kemodenan dan dia lebih selesa hidup dalam kehijauan bumi sambil menghirup udara segar dan nyaman.

“Nor...”

Tiba-tiba satu suara memecah suasana dan mengejutkan lamunan panjangku. Suara garau itu tidak lain adalah suara ibuku.

“Ya ibu.” Aku menjawab sapaan ibu.

“Jauh benar mengelamun di pagi hari ni, sampai tak ingat nak turun bersarapan.”

“Tak ada apalah ibu, hanya memerhati suasana pagi aja ibu.” Aku menjawab pertanyaan ibu.

Aku tahu, ibu risaukan peristiwa semalam masih membelengu diriku. Ibu mana yang tak risaukan anaknya. Aku pula cuba menyembunyikan resah daripada dihidu ibu. Namun, aku tahu ibu mengetahui apa yang mengoncang perasaanku saat ini.

“Nor, ibu tahu yang engkau masih lagi tidak dapat menerima kenyataan tentang perkara semalam. Sebenarnya ibu pun sama seperti engkau dan ibu sama sekali tidak menjangka perkara seperti itu akan berlaku. Ibu harap kau tabah menghadapi dugaan ini. Kita hanya merancang dan tuhan yang menentukan.” Ibu cuba memujuk hatiku dengan panjang lebar.

“In sha Allah ibu.” Nor menjawab ringkas.

Dia tidak mahu ibunya terus bersusah hati lagi. Raut kedut wajah ibunya ditenung dalam-dalam. Garis-garis tua di wajah ibunya jelas kelihatan. Dia memegang tangan ibunya dan mencium berkali-kali. Tangan yang membesarkannya itu ditariknya rapat kepadanya. Lantas tangan itu merangkul

pinggangnya dan mereka berpelukan. Saat itu membuatkan mata bulatnya tidak dapat lagi menahan air jernih daripada jatuh bercucuran. Pipi gebunya mulai basah dengan air mata yang mengalir seperti seorang pendosa yang menginsafi akan perbuatan lampayanya. Dia amat bersyukur kerana dia masih punyai seorang ibu yang dapat bersama saat dia susah dan senang. Itulah tempat dia meluahkan segala kepayahan yang dihadapi selama ini. Walaupun ibunya tak punya harta bertimbun, namun kasih sayang ibu lebih dari segala-galanya. Setelah beberapa lama berpelukan, ibunya mulai melonggarkan pelukan dan mengusap rambutnya pula.

“Nor, jangan menangis lagi ya nak. Kalau kau menangis perasan ibu juga turut sedih. Awak anak yang kuat, kerana awak telahpun mengharungi pelbagai gelora hidup. Jangan bersedih lagi ya. Ibu nak ke dapur dahulu sebab banyak benda ibu perlu selesaikan hari ini.” Ibunya meminta diri untuk keluar dari bilik dia.

“Baiklah ibu.” Nor menjawab ringkas.

Dia melihat ibunya mengorak langkah keluar daripada bilik tidurnya. Setelah ibunya hilang dari pandangan, dia menyeka saki baki air mata yang masih bersisa di pipinya. Dia perlu segera membuang kesedihan yang membungkam dadanya. Kini dia beralih tempat menuju ke katil tempat tidurnya lalu menghempaskan punggung di katil beralas tilam kekabu itu. Tilam yang dibuat sendiri oleh ibunya dahulu dengan diisi kekabu di dalamnya. Pagi itu, dia seperti malas untuk ke dapur bersarapan. Setelah lama duduk di katil, dia kembali bangun dan mundur mandir sekitar ruang bilik sempit itu. Dia terpandang sampul surat di sebelah almari solek. Lantas tangannya mencapai sampul berwarna kuning itu. Perlahan-lahan membuka sampul itu dan ditarik keluar isi surat yang telah dibacanya dua tahun yang lalu. Sekali lagi dia mahu membaca surat itu. Perlahan-lahan dia membuka lipatan surat itu dan mula mengamati bait-bait coretan kandungan surat itu.

*Assalamualaikum warahmatullah
hiwabarakatuh...*

*Ke hadapan kekasihku,
aku sedang melihat bagaimana
kau sedang sibuk melayani
kehidupan harianmu
kau menginginkan sebuah
kebahagiaan, namun jarang sekali*

kau mengingati di mana bahagia itu, hatimu di mana kekasihku? Saban hari aku menunggu berita dari desir angin yang menyusup masuk ke rumahku, hatiku amat merinduimu sayang. Cinta dan rindu ini selalu menerjah di lubuk hati ini. Tapi jarang sekali kau mengerti.

*Ke hadapan kekasihku,
Mulutmu di mana kekasihku? Kau tidak lagi seperti dahulu. Lantaran jarak yang memisahkan kita. Hanya surat sebagai pengganti tatkala aku memilih ke kota besar mencari rezeki dan kau lebih selesa untuk terus menginap di desa. Jarang sekali surat yang kuutuskan kau membalasnya. Seringkali aku memujuk hatiku sendirian bila mana tiada sebarang jawapan surat dari mu.*

*Ke hadapan kekasihku,
Aku ingin memohon maaf darimu kerana aku sudah tawar hati untuk meneruskan hubungan kasih sayang ini. Biarlah aku terus memberi fokus kepada kerjaya yang menjadi cinta baharuku. Kenangan bersama mu sepanjang kita menjalinkan cinta akan terus kusemat di dada. Aku mengharapkan agar kau juga seperti aku dan dapat menerima kenyataan ini. Aku mendoakan agar kau mendapat pengganti diriku yang mungkin lebih baik dariku.*

*Ikhlash daripada :
Hisyam Mulia Bukhara*

Dia melipat kembali surat itu sesudah membacanya. Hatinya masih terpalit sedikit kesal kerana tidak serius menerima Hisyam dalam hidupnya. Hisyam seorang pemuda yang baik hati dan sangat setia dalam cinta. Tapi apakan daya, mungkin tiada jodoh antara dia dan Hisyam. Lagi pula, ketika itu dia masih belum terfikir tentang soal rumah tangga. Apa yang difikirkannya tika itu hanyalah untuk membantu meringankan beban keluarga. Memang betul apa yang dikatakan Hisyam tentang dia yang jarang membalas surat. Dia tidak sesetia Hayati yang sering membalas surat Zainuddin dalam novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck k a r a n g a n H a m k a . Walaupun diakhirnya Hayati tetap tewas dengan wang dan kesenangan dan Zainuddin tetap setia sehingga jatuh sakit. Dia

terlalu sibuk untuk semua itu kerana tuntutan kerja di rumahnya dan di tempat kerja. Untuk menyesali perkara lalu adalah sesuatu yang tiada erti lagi. Dia harus terus memandang ke hadapan untuk menghadapi episod hidupnya. Fikirannya yang berkecamuk tadi kini kembali tenang. Dia harus berfikiran positif kerana mungkin ada hikmah di sebalik semua kejadian itu. Dia mengatur langkah kembali ke jendela apabila mendengar bunyi suara bising di halaman rumah. Menjengah keluar jendela dan kelihatan beberapa orang pekerja syarikat khemah baru tiba. Mereka datang untuk mengambil kembali khemah yang sudah seminggu terpacak di halaman rumahnya. Khemah yang menjadi saksi bagaimana majlis walimatulurus bertukar menjadi kenduri doa selamat. Dugaan sering bertimpa dalam hidupnya. Perkahwinan yang dirancang bertukar tragedi bila mana bakal pasangan hidupnya telah ditangkap dua (2) hari sebelum majlis kerana terlibat dalam kes samun bersenjata dan merupakan orang yang paling dikehendaki oleh pihak polis. Dia juga merupakan perancang utama dalam kes-kes samun di sekitar bandar. Berita mengenai penahanan bakal suaminya menghiasi dada akhbar ketika majlis kenduri doa selamat diadakan. Sebenarnya dia tidak berapa kenal latar belakang bakal suaminya kerana jiran yang menjadi orang tengah menyatakan hasrat keluarga pemuda itu. Setelah diperkenankan ibunya, keluarga pemuda itu datang merisik dan seterusnya menghantar rombongan pertunangan. Mereka menetapkan tarikh pernikahan tiga (3) bulan selepas bertunang untuk melangsungkan perkahwinan. Dalam tempoh tersebut, dia memang tidak pernah berjumpa dengan tunangnya dan mereka hanya berhubung melalui

telefon dan tidak pernah juga diselidiki pekerjaan bakal suaminya.

“Nor... Nor...” Tiba-tiba suara emaknya kembali memecah suasana.

“Ya mak” jawabnya.

“Datang ke ruang tamu jap.” Balas emaknya.

“Ada apa mak?”

“Ada panggilan telefon ni, katanya nak bercakap dengan Nor.”

“Siapa mak?” dia cuba mendapat kepastian mengenai siapa di talian telefon itu.

“Entahlah, mak tak tanya pula siapa. Mungkin kawan engkau kot.” Telah emaknya.

“Ok mak, Nor turun sekarang.”

Dia bergegas keluar dari biliknya dan turun ke bawah. Perlahan tangannya mencapai gagang telefon di sebelah almari televisyen itu. Dia menjawab panggilan itu.

“Assalamualaikum.”

“Walaikum salam, apa khabar Nor?” Seorang lelaki bersuara garau menjawab panggilan itu. Dia cuba mengecam suara itu, tapi gagal.

“Sihat alhamdulillah, boleh saya tahu siapa yang bercakap?” Dia cuba mendapatkan kepastian tentang siapakah gerangan pemuda yang menghubunginya itu.

“Tidakkah engkau kenal suara ini, Nor?” Pemuda yang menghubunginya itu cuba menguji dia.

“Maaf, saya betul-betul tidak dapat cam suara encik. Siapa ya? Sekali lagi dia cuba mendapat kepastian.

“Nor, masakan kamu langsung telah melupai getar suara ini.” Sekali lagi suara itu menguji dia.

Setelah diamati betul-betul, baharulah dia dapat menangkap butir suara itu.

“Hisyam...” Tiba-tiba nama itu terpacul dari mulutnya.

“Ya Nor...” Hisyam menjawab.

“Macam mana awak terfikir untuk menghubungi

saya? Setelah lama perhubungan ini terputus.” Soal Nor.

Dia seolah-olah masih belum percaya yang Hisyam kembali menghubunginya. Seperti ada sesuatu yang ingin disuarakan Hisyam melalui panggilan telefon itu.

“Ya, sebenarnya sehingga kini saya masih lagi mengingati awak, walaupun pada hakikatnya saya telah pun memutuskan hubungan kita. Saya terpaksa memutuskan hubungan dahulu kerana saya merasakan diri ini seolah minyak yang tidak diterima air ketika itu. Namun jauh di sudut hati ini, saya percaya bahawa suatu hari nanti awak akan tetap menjadi milik saya. Tetapi sekiranya awak dijodohkan dengan orang lain, saya redha kerana ia adalah perancangan tuhan. Kini, hati ini sudah tidak tertahan lagi dan saya nekad untuk menghubungi awak dan minta agar hubungan kita ditaut kembali. Sekiranya diterima, saya akan memberitahu keluarga saya untuk menghantar rombongan meminang.” Panjang lebar jawapan daripada Hisyam.

Dia terpaku seketika tatkala mendengar apa yang disuarakan Hisyam. Namun, jauh disudut hatinya kembali berbunga riang. Dia mengakhiri perbualan itu dengan memohon tempoh daripada sang jejaka untuk dia memikirkan perkara itu. Setelah gagang telefon diletak ke tempatnya, dia duduk seketika di sofa putih ruang tamu rumahnya. Kali ini dia perlu mengikut kata hati yang mahukan Hisyam menjadi bakal suaminya. Lantas dia bangun menuju ke telefon, dan mula mendail nombor telefon yang diberikan Hisyam sebelum mengakhiri perbualan tadi. Satu persatu nombor itu ditekannya. Dadanya berombak kencang tika menanti panggilan itu dijawab. Tidak lama selepas berdering, Hisyam menjawab panggilan telefon itu. Dia memberikan salam kepada Hisyam dan memulakan perbualan ringkas. Di akhirnya dia menyatakan bahawa dia bersetuju untuk menerima Hisyam sebagai teman hidupnya. Hisyam amat bersyukur dengan berita itu dan berjanji akan menghantar rombongan peminangan dalam masa terdekat.



Biar Betul-betul

OLEH : NORAZURA BAHARUDIN

PENULIS: YBHG. DR HM TUAH ISKANDAR AL-HAJ
 BILANGAN MUKA SURAT: 317 MUKA SURAT
 TERBITAN: KARYA BESTARI SDN. BHD
 EDARAN: ALAF 21 SDN. BHD.

Buku motivasi hasil karya Dr. HM Tuah Iskandar al-Haj mengajak para pembaca membina ilmu dan berfikir berteraskan teladan dan pengalaman melalui kisah-kisah benar. Buku ini mengandungi 104 bab, dengan gaya penulisan yang agak santai, memberi pemahaman kepada pembaca, serta menjadi motivasi kepada insan-insan yang kecewa dan putus asa.

‘Melaksanakan sesuatu biarlah bersungguh untuk menjadi insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang’. Penulis berpendapat bahawa manusia ini kurang berdisiplin dalam pemikiran dan perlakuan. Sikap ‘disiplin dalam diri’ membantu membina keyakinan, melahirkan manusia berguna dan positif. Gagal sekali bukan bererti gagal untuk kesekian kalinya. Pilihan di tangan sendiri. Jangan hampa jika gagal. Bangkit dan Binalah kehidupan yang bahagia.

Hampir setiap kandungan buku ini lahir daripada pengalaman dan kisah-kisah hidup individu pelbagai lapisan masyarakat yang melalui kehidupan dengan minda positif yang membawa manfaat dan penyebaran aura kepada diri dan orang sekeliling. Setiap insan yang mengakui milik ALLAH haruslah berpegang teguh pada al-Quran dan hadis kerana setiap yang berlaku tidak boleh dipisahkan daripada ketentuannya.

BERANGAN-BERANGAN MEMANDU PESAWAT SENDIRI

Ingat! Pesawat yang betul bukan sahaja memastikan kita selamat sampai ke destinasi yang betul, tapi penghujung yang betul.

SEDAP SANGAT KE MEROKOK?

Kalau diri ada kekurangan. Cuba capai kejayaan hidup melalui kekurangan itu. Syabas diucapkan kepada yang sentiasa cuba maintain badan dan bebas daripada asap rokok. Anda luar biasa dan bagus sekali.

BALIK KAMPUNG NAK CARI APA?

Balik kampung bukan untuk menunjuk kereta atau sebagainya tapi menunjukkan masyarakat Malaysia yang prihatin terhadap kedua ibu bapa yang masih berada di kampung. Cuba lihat setiap kali cuti Am atau perayaan jalan-jalan utama ke Utara, Selatan, Timur dan Barat bersesak-sesak dengan kenderaan yang menuju ke luar kota. “Baliklah kampung sebelum kamu dibalikkan ke kampung”.

PAKATLAH BAIK-BAIK

Bukan semua yang menggembirakan hati kita baik untuk kita. Kadang-kadang yang menggembirakan itu tersembunyi derita. Dan bukan semua yang memualkan hati kita.

BUKU OH BUKU

Baca buku menyuluh ilmu. Ilmu dibaca banyak manfaat. Kenapa susah sangat nak baca buku? Bukankah buku itu penuh khasiat. “Buai laju-laju, sampai pokok sena, wahai kawan bacalah buku, baca buku jadi bijaksana.” Antara amalan yang berpanjangan hasilnya kita dapat di alam kubur ialah amal jariah. Beli buku pusakakan kepada orang dan lagi baik sedekah buku agama pada masjid. Selagi mana buku itu digunakan, pahalanya akan berpanjangan.

RUGI DAN UNTUNG SAMA KUAT

Tatkala kita di bawah, yakinlah kita pasti akan berada di atas dan tatkala kita berada di atas yakinlah kita tidak akan selamanya di situ, selama mana roda itu berputar.

Untung dan rugi adalah mainan hidup. Tidak ada dalam setahun tu panas sepanjang masa, ada ketikanya hujan jugak. Hidup ini walaupun kadangkala penuh dengan ketidakadilan, ada ketika kita akan dapat juga hak kita yang sebenarnya.

BUAT IKUT APA KITA NAK JADI

Kita bertindak ikut apa kita nak jadi. Kita diberi kuasa untuk memilih. Segalanya terletak pada pilihan kita sendiri.

LONDON BRIDGE DAN TOWER BRIDGE

“Usah berhenti mencari maklumat baru, setiap maklumat baru menjadi titik pemisah kita daripada tertipu”.

HARI KELUARGA SETIAP BULAN

Kecemerlangan itu bermula daripada kebahagiaan dan kebahagiaan itu bermula daripada keredhaan Allah, manakala keredhaan Allah itu datangnya daripada semua perbuatan baik yang kita lakukan.

HIDUP INI PERJUANGAN

Hidup ini perjuangan bukan perjudian. Usaha mesti diteruskan dan dilakukan selagi namanya hidup

154 JENIS KEPANDAIAAN

Setiap perjalanan hidup adalah pengalaman. Setiap pengalaman itu adalah pengetahuan. Setiap pengetahuan bermakna kepandaian dan setiap kepandaian bermakna kehidupan yang lebih bermakna. Apabila seseorang itu berkata aku pandai segalanya, maka di situlah bermulanya detik kebodohnya.

PERKAHWINAN UNTUK SALING BERTANGGUNGJAWAB

Perkahwinan adalah satu tanggungjawab untuk saling bertanggungjawab.

JANGAN SAMPAI TERLOPONG MULUT

Berfikirilah dulu sesaat sebelum bertindak terus 10 minit.

BASMI PENJARA DIRI

Hakikatnya banyak bangsa di dunia telah merdeka tapi fikirannya masih terbelenggu oleh penjara diri.

CUBA DULU BARU TAHU

Yang mahu ke depan ramai, yang sanggup berdepan tidak ramai

MENGUBAH TAKDIR

Sejauh mana yang kita usahakan di situlah kita akan sampai. Bermakna kalau langsung kita tidak berusaha selamanya kita akan berada di tempat kita. Justeru kita perlu mengubah nasib kita sendiri, kerana Tuhan tidak akan mengubah nasib seseorang sehingga dia berusaha mengubah untuk dirinya.

KISAH MANUSIA DENGAN DUIT

Waktu berduit, orang pun akan mengaku saudara, tapi waktu tak berduit, saudara pun akan mengaku orang.

HUTANG TAK BERBAYAR

Perkara yang paling seronok dibuat ialah berhutang, perkara yang paling susah untuk dibuat ialah membayar hutang.

HATI BUDAK

Tengoklah kanak-kanak, kehendak dia tak boleh tak diikuti. Kehendak dia, kemahuan dia kena diikuti jugak. Hati budak, hati waja, keras macam batu.

LIHAT DIRI CARI MOTIVASI

Lihatlah alam cari kehebatan, lihatlah diri cari motivasi. Kisah Bang Rajan (Selamatkanlah dirimu dari “penjara diri” sebab ia lebih berbahaya daripada penjara besi).

BIAR BETUL, BIAR BETUL-BETUL

Bukan semua yang manis itu manis, adakalanya di hujung lidah ia manis, di hujung tekak menjadi pahit.

KISAH KETAM

Lebih baik menjadi ketam yang menyuruh anaknya berjalan dengan betul daripada menjadi ketam yang menggalakkan anaknya berjalan tak betul, walaupun ibu dan ayah ketam itu tak pernah berjalan dengan betul.

BUAT SESUATU DENGAN RELA

Semua perkara menjadi mudah kalau dibuat dengan hati yang rela dan semua benda menjadi payah kalau dibuat dengan hati terluka.

MEMBINA JATI DIRI GEMILANG

Orang susah adalah yang bersusah-susah dalam mencari wang dan orang yang senang pula adalah yang bersusah-susah menghabiskan wang.

INGATLAH HIDUP UMPAMA RODA

Hari ini kita di bawah, mungkin esok kita di atas. Nikmati selama mungkin. Kalau nak hidup goyang kaki, jadilah kaya. Tapi kalau nak kaya, mana boleh goyang kaki.

JANGAN DOA SAHAJA, TAPI USAHANYA TIDAK

Apa yang kita usaha kita akan dapat. Tuhan beri kudrat untuk pilih antara baik dan buruk.

NAK SENANG BIAR BETUL-BETUL SENANG

Masa yang tepat dan tempat yang betul itu penting, tetapi untuk melaksanakan perkara yang betul itu adalah lebih penting.

VERY ‘UNSANGKARABLE’

Perjuangan anda hari ini akan menentukan siapa anda hari esok. Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

RUMUSAN

Buku ini sangat bagus untuk dijadikan sebagai bahan bacaan kerana setiap bab dan gaya bahasa bersahaja yang disampaikan oleh penulis beserta dengan contoh kejadian dan role model sebenar yang dapat dijadikan motivasi dan iktibar. Sekaligus ia dapat membuatkan kita berfikir sejenak bahawanya rahsia kejayaan seseorang itu bermula dari satu titik perubahan yang dilakukan yang boleh mengubah keseluruhan jalan hidup kita.

WAU TRADISIONAL MALAYSIA

Wau Merak

OLEH : EEZMADYNA AZALIN NORDIN

Permainan layang-layang kembali mendapat tempat di kalangan masyarakat tempatan dan di peringkat antarabangsa. Rekabentuk asal layang-layang lebih bersifat domestik berasaskan unsur-unsur tradisional mengikut negara masing-masing. Melalui perkembangan semasa pelbagai bentuk layang-layang direka dalam pelbagai bentuk 2-dimensi ataupun 3-dimensi. Buku ini menggambarkan kepada perkembangan layang-layang ataupun wau tradisional di Malaysia dan memberi fokus kepada wau rasmi negeri Johor.

Layang-layang dimaksudkan sebagai rangka kayu yang dibaluti dengan kertas serta diterbangkan dengan tali layang-layang dan dijadikan aktiviti bagi tujuan tertentu.

Istilah layang-layang lazimnya lebih sinonim dengan negeri-negeri di Pantai Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia seperti di Selangor, Melaka, dan Johor. Berdasarkan catatan Tun Sri Lanang yang menyatakan dengan jelas Raja Ahmad bermain layang-layang bersama pemuda-pemuda serta Kerabat Diraja, dan tidak pula disebut bermain wau.

Selain dari itu juga layang-layang juga dipanggil wau. Perkataan wau digunakan oleh negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.

Menurut teori Wayne Hosking dalam bukunya yang bertajuk "Kites Of Malaysia" mengatakan perkataan wau berasal dari perkataan Belanda iaitu "Wouw" yang merujuk kepada sejenis burung besar yang dijumpai di Asia Tenggara. Ciri-ciri utama wau mesti mempunyai kepala, sayap dan ekor.

Perbandingan wau di Utara, saiz layang-layang di Pantai Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia adalah lebih kecil dan kurang motif hiasannya. Pada dasarnya layang-layang terbahagi kepada bahagian iaitu layang-layang laga, layang-layang anak dan layang-layang hiasan.

Di negeri Johor Wau Merak atau nama asalnya layang-layang Kipas dipercayai berasal dari Sulawesi, Indonesia dan dimainkan oleh orang Bugis selepas musim menuai padi.

Masyarakat Bugis mendapat idea bagi mencipta wau Merak yang besar bagi tujuan menghalau burung-burung yang kebanyakannya adalah burung Merak yang memakan padi mereka. Semenjak itu Wau Merak yang fungsi asalnya untuk menghalau burung telah menjadi permainan tradisi mereka setiap kali selepas musim menuai.

Rekabentuk ekornya mengembang seperti burung Merak. Perbezaan antara Wau Merak




dengan wau lain adalah perbezaan dari segi rekabentuknya, iaitu terdapat balong yang diperbuat dengan rotan dan dibalut dengan benang yang berwarna-warni di bahagian kepala Wau Merak. Balong ini menyerupai balong yang terdapat pada kepala burung Merak. Di bahagian hujung ekor Merak ini juga dipasang benang berwarna-warni dengan ukuran panjang benangnya adalah empat kali ganda saiz panjang wau tersebut. Dahulu, busur Wau Merak dikatakan mampu menghasilkan sehingga tujuh jenis bunyi.

CIRI-CIRI WAU MERAK

Konsep Wau Merak diilhamkan melalui seekor burung yang mempunyai ciri-ciri burung Merak. Terdapat tiga jenis Wau Merak iaitu:-

- Wau Lang Baru (Janak)- tiada jambul tetapi mempunyai ekor.
- Wau Janak (seperti wau Jala Budi)- tiada ekor tetapi mempunyai jambul.
- Wau Merak- mempunyai ekor dan jambul.



UNSUR RAGAM HIAS WAU MERAK

Wau Merak mendapat ragam hias dari motif tumbuhan menjalar iaitu lada hitam dan gambir bagi menghias dada wau. Motif-motif daun sirih digunakan ukiran sobek pada wau merak. Motif-motif lada hitam dan gambir sering dihasilkan disebabkan hubungan rapatnya dengan sumber ekonomi masyarakat Bugis dahulu. Pada pertengahan abad ke-19 lada hitam dan gambir menjadi sumber ekonomi utama bagi negeri Johor. Tanaman-tanaman tersebut pada asalnya diperkenalkan oleh orang Bugis.

Kepentingan layang-layang kepada masyarakat Melayu tidak dapat disangkal lagi. Kewujudan layang-layang di Malaysia pada asasnya berteraskan dua perkara iaitu adat resam dan rekreasi.



Nama Layang-Layang Atau Wau Dalam Pelbagai Bahasa /

Bil.	Negara	Nama
1	Arab	Aubah, Toyyaroh Warang
2	Afrika	Vlieers
3	Belgium	Plakwaaier
4	Belanda	Vlieger
5	China	Fung Jung
6	Amerika / Eropah	Kite
7	Estonia	Lohe
8	Perancis	Cerf Volant
9	Jerman	Drachen
10	Indonesia	Layang-layang
11	Itali	Aquilone
12	Jepun	Tako
13	Korea	Youn
14	Malaysia	Wau / Layang-layang
15	Mexico	Papalote
16	Norway	Drage
17	Portugal	Pipas
18	Filipina	Saranggola
19	Russia	Letchij Zmeij
20	Serbia	Zmaj
21	Singapura	Layang-layang
22	Sepanyol	Cometas
23	Sweden	Drake
24	Thailand	Wau

Wau Rasmi Di Semenanjung Malaysia

Bil.	Nama Negeri	Wau Rasmi
1	Johor	Wau Merak
2	Kelantan	Wau Puyuh
3	Melaka	Wau Kikik
4	Pahang	Wau Pungguk
5	Perak	Wau Seri Bulan
6	Perlis	Wau Helang
7	Pulau Pinang	Wau Kotak
8	Selangor	Wau Kapal
9	Terengganu	Wau Dodo Helang
10	Kedah	Wau Kankang Atau Wau Jalabudi Kedah
11	Negeri Sembilan	Wau Seri Negeri

Puding Diraja Pekan Pahang

Jadi Kegemaran...

OLEH : HANA JUMA



Jujurnya ini adalah makanan kegemaranku. Pulang ke Panchur, Pekan sahaja, sudah pasti puding ini yang dicari. Mencari sahabat yang memang pandai menyediakan makanan ini. Puding Diraja Pahang sangat istimewa. Bukan sahaja menjadi kegemaranku malah turut menjadi kesukaan sahabat handai di sekeliling.

Sejarah asalnya Puding Diraja adalah merupakan makanan pencuci mulut keluarga Diraja Pahang dan hanya terkenal di kalangan Istana Pekan Pahang sahaja pada suatu ketika dahulu. Kebiasaannya, ianya menjadi hidangan keluarga Diraja dalam majlis-majlis istimewa. Kini, Puding Diraja sudah menjadi sinonim pada 'signature dish' untuk orang Pahang terutama di daerah Pekan.

Keistimewaan resepi asal Puding Diraja ialah menggunakan jala emas yang diperbuat daripada kuning telur itik. Boleh juga menggunakan kuning telur ayam. Antara bahan-bahan lain untuk membuat Puding Diraja Pahang ini adalah, pisang lemak manis. Pisang ini hanya banyak terdapat di negeri Pahang. Kemudian telur ayam atau telur itik (kuning saja), ceri, badam, prun, susu cair dan gula pasir.

Bagaimana hendak membuat Puding Diraja Pahang? Disertakan secara serba ringkas tentang cara penyediaan Puding Diraja.

Panaskan minyak dan minyak sapi untuk menggoreng pisang lemak manis dengan minyak yang penuh. Goreng sehingga kuning. Angkat dan letakkan di atas kertas minyak untuk meresap minyak yang berlebihan.

Untuk Kuah Puding, pukul kuning telur bersama susu cair/sejat dan air. Tapis untuk membuang pusat putih telur. Masukkan gula dan kacau sehingga gula larut. Masak di atas api kecil bersama daun pandan sehingga sederhana pekat. Masukkan sedikit esen vanila. Jangan guna api besar dan kacau selalu supaya tidak



KUALA Berang

OLEH : NORZILA MAMAT GHANI

Kuala Berang merupakan sebuah mukim dan ibu daerah Hulu Terengganu, Terengganu. Bandar ini bertindak sebagai pintu masuk utama ke Tasik Kenyir. Daerah ini juga dikatakan penempatan awal manusia di Terengganu. Kenyataan ini dibuktikan dengan penemuan barang-barang kegunaan harian manusia sekitar gua di Tasik Kenyir sebelum kawasan itu dijadikan tasik buatan manusia terbesar.

Kepentingan Kuala Berang juga dikaitkan dengan penemuan Batu Bersurat pada tahun 1899. Kemunculan Batu Bersurat ini membuktikan bahawa Terengganu amnya dan Kuala Berang khasnya telah menerima Islam antara yang terawal di rantau ini. Kehadiran Islam dipercayai dibawa oleh pedagang-pedagang.

Dipercayai juga pada zaman itu, Kuala Berang mempunyai sebuah pelabuhan yang sangat sibuk. Dikatakan air sungai Terengganu pada zaman itu sangat dalam membolehkan kapal-kapal dagang melaluinya. Pedagang-pedagang Islam ini telah berjaya mengislamkan penduduk setempat yang dahulunya mereka beragama Buddha.

Kuala Berang mempunyai banyak kesenian tradisi, antaranya Tarian Balai, Kertuk Ulu, Silat Kura-Kura, Mengemping, tradisi mengambat ikan dan banyak lagi.

Dialek atau loghat pertuturan rakyat Kuala Berang juga boleh kita anggap sebagai satu keunikan. Loghat yang digunakan amat berbeza dengan loghat yang digunakan di daerah-daerah lain di Terengganu, malah lebih sukar.

Perkataan Mengikut Loghat Terengganu

Bil.	Loghat Terengganu	Terjemahan
1	Be Do Owh	Melampau
2	Bedang	Gatal Seluruh Tubuh
3	Beladung	Air Yang Melimpah
4	Cekoh	Kupas / Kopek Buah
5	Cattok	Berbentuk
6	Nano	Degil
7	Neytey	Menghampiri
8	Ngakas	Menyelongkar Barang
9	Ngesuk	Penghujung / Paling Akhir
10	Njalaow	Menjalar
11	Panjang Jenggong	Sangat Panjang
12	Patak Unjak	Akar Umbi
13	Pendek Ketok	Sangat Pendek
14	Poreng	Comot
15	Rettok	Jambatan
16	Ssetok	Terkejut Gila
17	Takir	Tetak
18	Tiyung	Cium
19	Tang	Pukul
20	Supit Gelenyar	Beg Plastik

GELANDANGAN BAHASA


OLEH : RIZAL

*Menjelang Oktober
Setelah 59 tahun merdeka
Bahasaku masih perlu diulangiingat
Sedangkan bahasaku pernah
Menjadi lingua franca
Kegemilangan Melaka
Apa yang terjadi?*

*Bahasaku yang dikasihi
Ditutor berjuta manusia sejagat
Dengan santun dan hebat
Namun nasibnya tidak seindah rupa
Puitisnya di tanahair
Telah hilang dirogol penutur kandungnya
Berpuluh tahun berbumbungkan merdeka
Masih kekok untuk berbahasa
Berpuluh tahun bertiangkan perkara 152
Masih lagi menjadi pelarian di bumi sendiri
Berpuluh tahun berlantaikan Rukun Negara
Masih ada yang tidak mempedulikannya*

*Bahasaku menjadi gelandangan
Mengharap ehsan
Memohon harap kasihan
Yang bermusim musim
Silih berganti*

*Mengharap satu keajaiban
Diangkat kembali
Di persada keagungan..*



Kedewasaan

OLEH : FATIL ZALIS

Apakah yang dicari
Dalam simpang siur masa yang berlalu
Remajaku penuh berliku
Mencari identiti diri dan hala tuju
Terjebak dalam memaknakan diri
Antara ilusi dan realiti
Rapuh iman
Tersadung akar kemusnahan yang membelit keyakinan dan
nasihat ibu
Serapah keramat ayahanda

Zaman itu zaman sukar
Ramai yang terbabas melalui persimpangannya

Usia muda yang mentah
Begitu mudah iblis meratah
Hilang arah

Hanya yang beristiqamah
Mencari sahabat yang hebat dan iman yang kuat
Akan mampu menempuh gelombang
Dan sampai ke pulau kedewasaan.

PELAJARAN ALAM

OLEH :
MILYANA BINTI ARSHAD

Anak kecilku bertanya
Cecadu atau Kelawar??
Aku tidak punya jawapan bila ditanya
Sifatnya hampir sama
Rupanya hampir serupa

Cecadu sahaja punya puluhan nama berbeza
Bahu Putih, Besar, Bukit, Dayak, Gua,
Hitam Pudar, Kepala Hitam, Madu Bakau,
Madu Bukit, Pisang, Pisang Besar, Sayap
Berbintik

Argghhhh..
Aku sendiri keliru

Dalam kegelapan gua yang diteroka
Berebekal cahaya suram dan samar
Mata tua ini tidak mampu mentafsir
Mata akal juga tidak mampu mengkaji
Cecadu dan Kelawar sama sahaja
keluarganya..

Anak kecilku bertanya lagi
Cecadu atau ayam???
Dengan mudah aku memberi jawapan
"CECADU!"
Ayam tidak mampu terbang seperti cecadu
Ayam tidak hamil seperti cecadu
Ayam tidak makan darah seperti sesetengah
cecadu...

Anak kecilku tidak lagi bertanya
Sunyi seketika..
Menikmati suasana gua

Tiba-tiba..
Dia kembali bersuara dan berkata
"Bau tahinya seperti tahi ayam"
Aku hanya tertawa dan tidak mampu mengu-
las lagi
Anak kecil ini sebenarnya teruja
Anak kecil ini sebenarnya sedang mencari
jawabannya sendiri

Hari ini menjadi sejarah
Membawa anak kecil
Meneroka sebuah gua
Mencari ilmu dan rahsia alam
Bersyukur dengan kurniaan Sang Pencipta

KENAL ?

OLEH:
MOHD RAZIFF BIN ROSMAN

Kertas, pena, mata, tinta, pelita, udara, haba,
masa, melata di benak makhluk sempurna..

Detak, bunyi, geser, detik, mengalir, sakit,
pulihan, henti, menanti pengakhiran yang sudah
pasti..

Betul, batil, zahir, batin, dosa, pahala, syurga,
neraka, penentu takdir dunia abadi..

Siapakah? Apakah? Mengapakah? Bilakah? Di
manakah?

Akal, budi, waras, bicara, resah, gelisah,
rusing!!!!!!!

Gila, otak, bisu, tenteram, aman, tenang~
Semua bergabung bertanyakan satu soalan.

Siapakah anda?

Sedih, menangis, suka, ketawa, takut,
menggigil, marah, melenting, punah!!!!

Semuanya bersatu menghasilkan sesuatu..

Apakah sebabnya?

Keji, memuji, dusta, benar, kasih, membenci,
memberi, mencuri, menghasut!!!

segalanya terbentuk sebuah pertanyaan..

Mengapakah ia?

1,2,3,4,5,6,7,8,9,10!!!!

Saat ketika masa waktu tercipta..

Bilakah ia?

Sesat, gelap, merangkak, betul, cerah, berjalan,
kabus, samar, jelas, buntu, pasti, berlari!!!

Gerak berhenti bertanya haluan
di manakah tempatnya?

Bicara, mulut, gerak, tubuh, isyarat, simbol,
gambaran, khayalan, lukisan!!!!

Menyambung segalanya!

Mewarisi istiadatnya!

Merubah kandungannya!

Mengikuti hawa nafsunya!

Menghasil segala idamannya!

Menyesat cucu cicitnya!

Tetapi janji pasti dikota...

Percaya membezakannya...

Yakin membantunya...

Amal mengingatkannya...

Jihad haluannya...

Firman panduannya...

Pegangan jawabannya..

Segalanya milikNya...

PELAKSANAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS TAHUN 2017

OLEH : RIZUANI ABDUL RAHMAN

Pelaksanaan HRMIS merupakan sebahagian dari Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pegawai Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Pelaksanaan KPI HRMIS ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2009 kepada 32 PPTPA yang melibatkan modul/submodul penting dalam HRMIS dan kini seramai 53 PPTPA terlibat dalam penilaian KPI HRMIS termasuklah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Objektif pelaksanaan KPI HRMIS ini adalah untuk memastikan keseluruhan agensi sektor awam menggunakan HRMIS secara optimum di samping memastikan maklumat dan data dalam HRMIS sentiasa dikemaskini dan juga berintegriti. Ini juga selaras dengan dasar kualiti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang komited kepada pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang dinamik, berkesan, cekap dan adil bagi mewujudkan sektor awam yang cemerlang.

PELAKSANAAN KPI HRMIS PADA TAHUN 2017 MENGIKUT KRITERIA

KRITERIA		WAJARAN MARKAH
1.	Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan di antara HRMIS dan MyPost.	20
2.	Permurnian data bagi 21 elemen di Data Perjawatan, rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan di HRMIS.	20
3.	Pelaksanaan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi Tahun 2017 melalui HRMIS.	20
4.	Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bagi Tahun 2017 melalui HRMIS.	15
5.	Pelaksanaan Perisytiharan Harta melalui HRMIS.	15
6.	Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan melalui HRMIS bagi: i. Penamatan Perkhidmatan Paksa – Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60 Tahun; ii. Penamatan Perkhidmatan Sukarela – Persaraan Pilihan; dan iii. Kematian Dalam Perkhidmatan.	10
JUMLAH		100



JADUAL PELAKSANAAN HRMIS DI JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

Bil	Modul	Tindakan	Tempoh Pelaksanaan
1	Pengurusan Rekod Peribadi	Kemaskini setiap perubahan Rekod Peribadi	1 Januari - 31 November 2017
2	Perisytiharan Harta	Kemaskini perubahan maklumat harta, tambahan atau pelupusan. (Bagi pegawai yang belum mengemaskini dalam tempoh 1 Januari 2013 – 31 Disember 2017).	1 Januari – 31 Ogos 2017
3	Pengurusan Prestasi	Sasaran Kerja Tahunan (SKT)2017	
		Deraf, simpan dan hantar	1 Mac - 30 April 2017
		Pengesahan oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP)	1 - 31 Mei 2017
		Sebarang pengemaskinian/penghantaran SKT (Tambahan Perancangan) adalah DILARANG/ DIBEKUKAN dalam tempoh 1 Mei – 31 Julai 2017	
		Kemaskini Pencapaian & Hantar serta disahkan PPP	1 November – 17 November 2017
		Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)2017	
		Deraf dan simpan	1 – 17 November 2017
		Hantar	18 November – 1 Disember 2017
		Penilaian oleh PPP	2 – 15 Disember 2017
Penilaian oleh Pegawai Penilai Kedua (PPK)	16 – 29 Disember 2017		





SENARIO EKONOMI GLOBAL DAN EKONOMI MALAYSIA

OLEH : ANDREW NORRIS

ABSTRAK

Artikel ini menerangkan secara ringkas kepentingan kegiatan pelancongan kepada negara secara umumnya dan fungsi aspek budaya dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui pelancongan. Oleh itu, untuk memahami kepentingannya, senario ekonomi global dan ekonomi Malaysia dibincangkan secara ringkas.

SENARIO EKONOMI GLOBAL DAN EKONOMI MALAYSIA

Kelembapan ekonomi global merupakan satu cabaran kepada proses pembangunan sesebuah negara. Ketidaktentuan keadaan ekonomi negara – negara maju yang mempunyai kuasa ekonomi yang besar akan secara langsung merencatkan pertumbuhan ekonomi negara – negara membangun yang lain.

Kekuatan ekonomi sesebuah negara secara umumnya bergantung kepada sektor – sektor yang ada di negara tersebut yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonominya. Dalam memastikan ekonomi negara mempunyai daya tahan yang tinggi, kepelbagaian sektor perlu dibangunkan untuk menyumbang kepada pendapatan negara. Kepelbagaian sektor ekonomi membolehkan sesebuah negara itu memecahkan risiko kerugian dan mengelakkan kebergantungan kepada bilangan sektor yang terhad.

Bank Negara Malaysia (BNM) pada 23 Mac 2017 mengunjurkan ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh antara 4.3 dan 4.8 peratus bagi tahun 2017, berbanding 4.2 peratus tahun 2016. Pertumbuhan tersebut merupakan petunjuk positif kekuatan ekonomi negara memandangkan pertumbuhan ekonomi Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran seperti perkembangan geopolitik antarabangsa dan harga komoditi dunia.

Kekuatan ekonomi Malaysia bergantung kepada tiga sektor utama iaitu sektor primier, sekunder dan tertier yang terbahagi kepada beberapa kegiatan ekonomi. Kegiatan pelancongan di Malaysia terletak di bawah sektor tertier atau dikenali juga sebagai sektor perkhidmatan.

Dalam laporan Unit Perancangan Ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2016, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan nilai sebanyak RM594 bilion, berbanding dengan sektor pembinaan, pertanian, pembuatan dan perlombongan.

Statistik Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TM), menunjukkan pada tahun 2015, jumlah pendapatan dari kedatangan pelancong ke negara ini berjumlah RM69.1 bilion. Berdasarkan corak pertumbuhan sektor, TM menasaskan jumlah kutipan sebanyak RM188 bilion pada tahun 2017 dengan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 32.8 juta orang.



Malaysia merupakan sebuah destinasi pelancongan dunia yang cukup terkenal dengan kekayaan dan keunikan budaya masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai bangsa.

PELANCONGAN KEBUDAYAAN DI MALAYSIA

Kepelbagaian bangsa dan agama rakyat Malaysia telah mencorak keunikan budaya di negara ini. Selain daripada budaya dari bangsa dan keturunan asal, perkahwinan campur juga telah menambah seri dalam budaya Malaysia.

Seni dan budaya pada asalnya bukanlah sebuah produk pelancongan, tetapi merupakan cara hidup seharian sesebuah masyarakat. Apabila sesebuah tamadun berkembang dan teknologi pengangkutan semakin canggih, pergerakan manusia semakin jauh dari tempat asal. Dengan berkembangnya teknologi pengangkutan, amalan melawat sesuatu tempat menjadi norma kehidupan yang baharu dan tidak terbatas kepada golongan atasan sahaja.

Tujuan manusia (peoples) melawat (travel) sesuatu tempat adalah atas faktor pekerjaan, melawat sahabat dan keluarga, meneroka alam semula jadi, bersukan atau mendekati budaya masyarakat tempatan, yang didorong oleh sikap ingin tahu dan mengalami (experiencing) pengalaman budaya baharu.

Dalam konteks pelancongan, kejayaan industri pelancongan sesebuah negara bergantung kepada kekuatan produk pelancongan. Keunikan budaya di Malaysia merupakan aset penting yang mendorong pelancong untuk datang mendekati dan mengalami sendiri keunikan budaya masyarakat tempatan di negara ini yang diklasifikasikan kepada tiga bentuk utama seperti berikut (Anwar Din 2008):

- 1) Budaya-dipentaskan (stage culture) iaitu budaya yang diadakan khusus untuk ditawarkan kepada pelancong
- 2) Warisan peninggalan lama (heritage) iaitu budaya yang sedia wujud sejak zaman lampau
- 3) Budaya-di belakang tabir (street culture) iaitu kehidupan biasa seharian masyarakat tempatan yang turut dijadikan objek daya tarikan pelancong (tourist object)

Justeru, dalam industri pelancongan negara, aspek kebudayaan tidak dapat dipisahkan. Menurut perutusan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, dengan pelbagai bentuk lanskap pelancongan, kelimpahan anugerah alam semulajadi, sinergi antara warisan budaya, makanan, seni dan kraf, Malaysia kini diletakkan sebagai salah satu destinasi pelancongan dunia yang wajib dikunjungi. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan terus berusaha untuk melonjakkan sektor pelancongan dan kebudayaan ke tahap yang lebih tinggi agar dapat mempersembahkan budaya dan warisan kebangsaan kepada dunia.

Dengan adanya aset budaya yang tidak ternilai di negara ini, maka industri pelancongan Malaysia akan terus mempunyai imej yang tersendiri dalam menarik kedatangan pelancong, lantas menyumbang kepada pendapatan negara dengan signifikan, sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara lebih kompetitif dan dinamik.



BUDI Bahasa Budaya KITA

Budi Bahasa dan amalan nilai-nilai murni amat penting dalam menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Masyarakat yang harmoni, berbudih bahasa dan mengamalkan nilai-nilai murni dapat melahirkan satu Bangsa Malaysia yang budiman.

CONTOH NILAI-NILAI DAN AMALAN HIDUP YANG TIDAK MENGENDAHKAN TATASUSILA DAN BERADAB :

- Cara memberi khidmat,
- Ketidakecekapan melayani pelanggan di kaunter hadapan di jabatan-jabatan kerajaan,
- Tidak menjawab telefon atau bercakap dengan kasar/acuh tak acuh,
- Lambat menjawab surat menyurat,
- Tiada gotong royong dan tidak cenderung menolong orang lain,
- Hilang rasa hormat kepada guru, ibu bapa, pemimpin, ketua dan orang-orang tua,
- Trend atau kecenderungan suka mengambil hak orang lain,
- Tidak suka senyum bila bertegur sapa atau semasa memberi khidmat,

- Tidak suka mengungkapkan terima kasih atau syukur bila beroleh sesuatu yang baik,
- Kurangnya mengungkapkan "Apa khabar" atau "Assalamualaikum",
- Kurang mengendahkan budaya kebersihan (misalnya tandas kotor),
- Tidak menepati masa
- Kurang bertolak ansur di jalan raya

KONSEP BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI AMANAH

- Tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya;
- Elakkan kepentingan diri utamakan kepentingan tugas
- Tiada penyelewengan sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja.



TANGGUNGJAWAB

- Menerima hakikat akauntabiliti akhir adalah terhadap tuhan, di samping pekerjaan dan majikan;
- Kesedaran terhadap implikasi baik dan buruknya iaitu sentiasa waspada dan jujur;
- Berkhidmat dan menghulurkan bantuan bila-bila sahaja diperlukan;
- Tidak mengkhianati kepentingan organisasi institusi/awam dalam menjalankan tugas;
- Menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

IKHLAS

- Berhati mulia tanpa mengharapkan balasan dari manusia
- Niat bertugas kerana tuhan, kerana mencari rezeki yang halal serta mencari keredhaannya
- Mengikis "kepentingan diri" dalam melaksana tugas

BENAR

- Jujur dalam tanggungjawab
- Bercakap benar dan menepati janji
- Cermat dan berhemat dalam membuat keputusan
- Bertindak berasaskan profesionalisme
- Patuh dan setia dalam melaksanakan tugas
- Sanggup menerima teguran dan nasihat

SEDERHANA

- Perseimbangan equilibrium dalam diri dan tugas
- Bersederhanaan dalam setiap perkara

TEKUN

- Bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan kehidupan
- Rajin mempelajari pengetahuan dan kemahiran untuk membaiki taraf hidup
- Berusaha gigih untuk menghasilkan kerja yang memuaskan sehingga mencapai tahap cemerlang

BERSIH

- Mengamalkan kebersihan hati dalam menjalankan tugas
- Mengamalkan kebersihan pakaian, bangunan dan alam sekitar sebagai satu cara hidup
- Bersih dalam pemilikan harta dan perjalanan tugas
- Membuat pertimbangan yang teliti dan adil dalam membuat keputusan
- Menjauhi hawa nafsu dan emosi dari mempengaruhi pekerjaan dan pemikiran dalam membuat keputusan

BERDISPLIN

- Mengetahui kepentingan dan keutamaan
- Menilai tinggi masa dan janji
- Mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang
- Mempunyai etika kerja dan profesionalisme yang tinggi

BEKERJASAMA

- Mengamalkan sikap tolong menolong
- Sentiasa secara sukarela menyertai aktiviti-aktiviti organisasi sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan semangat kerjasama
- Mengamalkan permuafakatan dalam semua perkara
- Mengelakkan konflik atau pertembungan kepentingan berdasarkan peribadi mengorbankan kepentingan diri yang bercanggah dengan kepentingan organisasi, agama, bangsa dan negara



BERPERIBADI MULIA

- Bermanis muka sepanjang masa
- Bertimbang rasa dan bertolak ansur
- Menghormati sesama insan
- Sentiasa memulakan 'pertanyaan' dengan tujuan untuk menolong

BERSYUKUR

- Bersyukur kerana dapat melaksanakan tugas untuk menjamin kesejahteraan hidup sebagai seorang anggota masyarakat
- Berkhidmat sebagai ibadah dan tidak berbangga dengan kedudukan dan pangkat
- Tidak membazirkan perbelanjaan untuk perkara yang sia-sia

BERMUAFAKAT

- Muafakat membawa berkat. Amalan muafakat sesama manusia, akan mengeratkan lagi perpaduan.

BERTOLENRAZI

- Sikap tolenrazi sesama kaum merupakan tunjang utama kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat.

BERTIMBANG RASA

- Perasaan bertimbang rasa adalah sebahagian daripada sikap terpuji tanpa mengira perbezaan latar belakang sesuatu kaum.

BERSATU PADU

- Pengalaman berterusan budi bahasa dan nilai nilai murni akan membawa kepada kesepaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

BERETIKA

- Semangat beretika akan lahir kepada setiap individu sekiranya ia mempunyai nilai budi pekerti yang tinggi.

TIDAK MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI

- Seseorang yang kaya dengan budi pekerti dan teguh dengan amalan nilai-nilai murninya tidak akan mementingkan diri sendiri.

TIADA PERASAAN CURIGA/SYAK WASANGKA

- Perasaan curiga/syak wasangka tidak akan mudah wujud dalam setiap individu yang mempunyai nilai-nilai murni.

Sumber :Buku Budi Bahasa Budaya Kita,Kekwa 2007



Haji Othman Samdin

MENYELUSURI PENGALAMAN
OLEH : AZHAR OTHMAN



PENULIS kali ini mengambil kesempatan untuk menyelusuri pengalaman mantan seorang pentadbir seni yang dihormati, disegani lagi disayangi di kalangan rakan-rakan, anak buah dan masyarakat kampungnya. Beliau adalah pentadbir seni yang pertama di Terengganu sejak Jabatan ini ditubuhkan setelah melalui pelbagai peringkat jawatan dan nama Kementerianya.

Haji Othman bin Samdin telah dilahirkan pada 18 Disember 1938 di Kampung Solok Limau Purut, Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka (Naning). Ayahandanya bernama Haji Samdin bin Anjak bekerja sebagai Pembantu Rumah Sakit Kanan dan bondanya bernama Siti Awan binti Khatib Mohamad, seorang suri rumah adalah berketurunan Minangkabau. Beliau adalah anak kedua dari 10 orang adik beradik yang terdiri dari tiga lelaki dan tujuh perempuan.

Beliau mendapat pendidikan awal di bawah pentadbiran Jepun pada Tahun 1945 selama 6 bulan di Sekolah Melayu Simpang Ampat, Alor Gajah. Kemudian ke Sekolah Inggeris (SM atau Special Malay) pada Tahun 1950. Seterusnya menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Tinggi Melaka pada tahun 1953 hingga 1957. Selepas itu, beliau mendapat tawaran ke Kota Bharu Training College (KBTC) tetapi menolaknya.

Beliau mengambil keputusan datang bercuti ke Kuala Terengganu pada 23 April 1959 dan kemudian ditawarkan pula menjadi guru sementara Bahasa Inggeris selama enam bulan.

Selepas itu, tahun 1960 beliau bekerja pula sebagai Pegawai Temuduga di Pejabat Pendaftaran Kuala Terengganu selama dua setengah tahun dengan gaji sekitar RM 300.00. Tahun 1961, beliau telah dilantik sebagai pemangku Pegawai Pendaftaran Daerah Dungun. Bulan Julai tahun yang sama, sempena Hari Guru 1961 beliau telah berkenalan dengan cikgu Hasmah binti Long yang sedang mengajar di Sekolah Perempuan Dungun.

Beliau seterusnya menyertai pula Stevaco Dungun iaitu sebuah syarikat perlombongan bijih besi dan kayu balak yang berpangkalan di Sura Gate,

Dungun bermula Ogos 1962 hinggalah 31 Mac 1965 selama kurang lebih dua tahun setengah. Setelah lama mengenal hati budi kekasih hatinya tadi, maka pada 11 Ogos 1963, beliau telah melangsungkan perkahwinan.

Pada 1 April 1965, beliau telah menyertai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan dan bekerja sebagai penjaga Rumah Kebajikan Orang Tua dan Orang Cacat di Taman Kemuning, Pengkalan Chepa, Kelantan selama enam tahun. Tahun 1971, beliau ditukarkan ke Melaka dengan jawatan sama di Rumah Kebajikan Orang Tua dan Cheng Durian Daun, Melaka selama dua setengah tahun.

Pada 1 April 1974, akhirnya beliau dilantik secara tetap sebagai pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Kuala Lipis dengan gred B11. Pada tahun 1977, beliau dipinjamkan ke Pejabat Perdana Menteri di Kuala Lumpur sebagai Pegawai Kebajikan, Sosial dan Sukan. Ketika ini beliau adalah idola dan kebanggaan penduduk kampung kerana menjadi orang yang pertama bekerja di Pejabat Perdana Menteri.

Tahun 1979, beliau ditukarkan ke Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah Kuala Terengganu dengan jawatan sebagai Penolong Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah selama tiga bulan sahaja. Selepas itu, bermula bulan Disember 1979 hingga 1987, beliau menjawat penolong pengarah di Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Terengganu.

Tahun 1987, beliau ditugaskan sebagai pengarah di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Wilayah Timur yang mentadbir negeri Terengganu dan Kelantan dan berpejabat di Kota Bharu, Kelantan. Kemudian, tahun 1992 pula, beliau ditugaskan sebagai Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Terengganu yang berpejabat di Wisma Seri Amar, Kuala Terengganu setelah semua negeri mula diwujudkan di jabatan ini.

Akhirnya, pada 18 Disember 1993, Haji Othman seorang pentadbir seni yang dihormati semua penggiat seni budaya setempat, anak buah dan rakan-rakan telah bersara dengan rasminya ketika berusia 55 tahun.

Bila diajukan pengalaman paling mencabar dalam kerjayanya sebagai pentadbir seni, beliau menyatakan merasa cukup sedih apabila menghadapi pegawai yang ingkar perintah hingga terpaksa membuat keputusan mencadangkan kepada Lembaga Tatatertib supaya pegawai berkenaan ditukar atau dibuang kerja.

Ketika penulis ingin tahu pengalaman manis, beliau pantas tersenyum lebar semula dan mengatakan tahun 1980 kerana ketika itu beliau dilantik Ketua Kebangsaan Program Pertukaran Belia Asean dan Jepun di mana beliau telah berpeluang bertemu, bersalaman

dan berbual mesra dengan ketua-ketua negara terlibat.

Beliau juga turut teruja dapat menyertai pelbagai lawatan ke luar negara antaranya negara Singapura, Thailand, Indonesia, Jepun, Perancis dan Italy sepanjang perkhidmatannya di bawah Kementerian ini. Malah, beliau berbangga kerana sepanjang perkhidmatan ini juga telah dapat berkenalan dengan kerabat istana dan pembesar negeri yang menjadi kenangan yang tidak akan dilupakan sampai bila-bila. Beliau juga turut pernah menerima pingat P.J.K (1980) dari KDYM. Sultan Terengganu.

Ditanyakan aktiviti selepas bersara, sebelum ini beliau banyak mewakili Negara Malaysia dalam pelbagai pertandingan sukan tenis kategori 55 tahun ke atas antaranya di Austria (1996), England (1996), Turki (2003) dan Amerika Syarikat (2003).

Haji Othman yang berusia hampir 79 tahun kini tinggal di Kampung Paloh Sekolah, Kuala Terengganu dan mempunyai tiga orang cahaya mata lelaki. Beliau lebih mesra dipanggil Osama bin Laden di kalangan penduduk kampung Paloh Sekolah ini sejak 15 tahun lalu kerana beliau adalah seorang yang amat kelakar dan suka berlawak jenaka.

Terima kasih di atas perkongsian kepada penulis dalam menyelusuri sungai pengalaman sebagai pentadbir seni. Didoakan semoga Haji Othman Samdin berbahagia dan terus dikurniakan kesihatan yang baik dalam menjalani hidup sebagai YB (Yang Bersara) ketika ini.

(Sesi wawancara ini telah dilakukan penulis pada 31 Mac 2017 dan 2 April 2017 di rumah Haji Othman bin Samdin di Kampung Paloh Sekolah, Kuala Terengganu)



JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جائتن کبر دایان دان کسینان نگارا


SALURAN MEDIA SOSIAL JKKN



#MYSENIBUDAYA
MALAYSIA

www.jkkn.gov.my





SENARAI BAHAN TERBITAN (JUALAN) JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA


KATEGORI : BUKU

BIL	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA SEUNIT (RM)
1.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan	2003	8.50
2.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah	2003	8.50
3.	Istiadat Naik Buai	2003	8.50
4.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	2003	10.00
5.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis	2003	8.50
6.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
7.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
8.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani	2004	12.00
9.	Joget Lambak	2004	10.00
10.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang	2004	12.00
11.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kulit Nipis)	2004	30.00
12.	Syair Asyiqin	2004	12.00
13.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu	2004	20.00
14.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	2004	15.00
15.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung	2005	15.00
16.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)	2005	43.00
17.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)	2005	35.00
18.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre	2005	35.00
19.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita	2005	15.00
20.	Seri Terengganu	2005	25.00
21.	1000 Pantun Dondang Sayang	2006	20.00
22.	Adat Resam Masyarakat Malaysia	2006	18.00
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	2006	18.00
24.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang	2006	78.00
25.	Resepi Nasi 100	2006	30.00
26.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal)	2006	52.00
27.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Nipis)	2006	30.00
28.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire	2006	30.00
29.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita	2006	30.00




BIL	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA SEUNIT (RM)
30.	Alam Terbang Menjadi Guru	2008	20.00
31.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)	2008	20.00
32.	Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II)	2008	20.00
33.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)	2008	20.00
34.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)	2008	35.00
35.	Malaysian Festivals	2008	25.00
36.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	2008	23.00
37.	Pantun Warisan Rakyat	2008	15.00
38.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia	2009	23.00
39.	Plural Culture & Society In Malaysia	2009	20.00
40.	Lundayeh Dictionary	2009	45.00
41.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)	2009	20.00
42.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)	2009	17.00
43.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)	2009	20.00
44.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)	2009	17.00
45.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	2009	33.00
46.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	2009	16.50
47.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	2009	10.00
48.	Malaysian Customs & Traditions	2010	28.00
49.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya	2010	25.00
50.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompang Jawa	2010	15.00
51.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	2010	42.00
52.	Bahasa Dijajaran Masa	2011	15.00
53.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis	2011	25.00
54.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)	2011	20.00
55.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)	2011	20.00
56.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman	2011	35.00
57.	Kanjat	2012	25.00
58.	Lirikan Lirik	2012	30.00
59.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	2012	30.00
60.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor	2013	25.00
61.	Monograf Seni Budaya Bil. 1	2013	30.00
62.	Monograf Seni Budaya Bil. 2	2013	24.00

BIL	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA SEUNIT (RM)
63.	Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun	2014	34.00
64.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia	2014	27.00
65.	Seni Berbari	2014	34.00
66.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat	2014	33.00
67.	Malaysian Weddings	2014	28.00
68.	Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia	2015	20.00
69.	Modul Inspitari Siri 1 : Pilihan Tarian-Tarian Inspitari 2013 (Bersama DVD)	2015	45.00
70.	Koleksi Pantun Majlis Rasmi	2015	10.00
71.	Modul Pengajaran & Pembelajaran Mak Yung	2015	23.00
72.	Koleksi Skrip Siri Semarak Bangsawan	2015	20.00
73.	Cerita Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau - Rompin	2016	13.00
74.	Kesenian & Kebudayaan Dalam Penyuburan Integrasi Nasional Di Malaysia	2016	11.00
75.	Manuskrip Syarahan Perdana Budaya 2011- 2016	2016	25.00



BIL	TAJUK	BAHAN	TAHUN TERBITAN	HARGA SEUNIT (RM)
1.	Semangat Merdeka	VCD	2003	10.00
2.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	2003	10.00
3.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	2003	10.00
4.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	2003	10.00
5.	Instrumental Keroncong	CD	2003	10.00
6.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD	2003	10.00
7.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	2003	10.00
8.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD	2004	10.00
9.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	2004	10.00
10.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	2004	10.00
11.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	2004	10.00
12.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	2005	10.00
13.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	2005	10.00
14.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	2005	10.00
15.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	2005	10.00
16.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	2005	10.00
17.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	2005	10.00
18.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mulung	VCD	2005	10.00
19.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	2005	10.00
20.	Tunas Budaya	VCD	2005	10.00
21.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	2005	10.00
22.	Dendangan Indera Kayangan	CD	2005	10.00
23.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	2007	10.00
24.	Senam Seni (Lama)	DVD	2008	10.00
25.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	2008	15.00
26.	Dodoi Si Manja	VCD	2008	10.00
27.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	2008	15.00
28.	Folk Tunes of Malaysia	CD	2008	10.00
29.	Irama Asli (Minus One)	CD	2008	20.00
30.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	2008	20.00
31.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia : Zainal Abidin	CD	2008	10.00
32.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD	2010	20.00
33.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD	2010	10.00
34.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD	2011	20.00
35.	Inspitari 2010	DVD	2011	20.00





KATEGORI : CD/VCD/DVD

BIL	TAJUK	BAHAN	TAHUN TERBITAN	HARGA SEUNIT (RM)
36.	Bangsawan Celorong Cheloreng	DVD		10.00
37.	Gerak 2011	DVD		10.00
38.	Inspitari 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD		30.00
39.	Inspitari 2012	DVD		20.00
40.	Inspitari 2013	DVD		26.00
41.	Puisi Tradisional	CD		13.00
42.	Karaoke Lagu Rakyat Malaysia	DVD & CD		20.00
43.	Konsert Koir Kebangsaan – Kembara Muzikal Teater & Filem	DVD		20.00
44.	Konsert Koir Kebangsaan – 'Voices Of Harmony'	CD		20.00
45.	A Malaysian Journey : Dennis Lau	CD		20.00
46.	Tingkah! – Muzik Paluan & Pergendangan	CD		15.00
47.	Inspitari 2014	DVD		20.00
48.	Koleksi Tarian Negeri-Negeri Di Malaysia	DVD		20.00
49.	Gema Warisan – Gamelan Melayu	CD		15.00
50.	Lagu-Lagu Inspitari 2013	CD		15.00
51.	Lagu-Lagu Inspitari 2014	CD		15.00
52.	Lagu-Lagu Inspitari 2015	CD		15.00

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan,

- 1) En. Mohd Zin Md Sahid : 03-26148234
- 2) Pn. Zuriah Mohamad : 03-26148235
- 3) En. Muhamad Haqkam Hariri : 03-26148236
- 4) En. Muhammad Faizal Ruslee : 03-2614 8239
- 5) Pn. Bafti Hera Abu Bakar : 03-2614 8210
- 6) Pn. Siti Anisah Abdul Rahman : 03-26148245
- 7) Pn. Fauziah Ahmad : 03-26148259

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جهازتن كبرودايان دان كسنيان نكارا

CAWANGAN DOKUMENTASI & PENERBITAN

Bahan Rujukan Seni dan Budaya Terbitan JKKN

76
CITRA BUDAYA JKKN

SERLAHAN SENI & BUDAYA ARTS & CULTURE HIGHLIGHTS

JKKN 2017

AGENCI KEMENTERIAN KEMERDEKAAN & KEBUDAYAAN MALAYSIA
AGENCY OF THE MINISTRY OF TRADE & CULTURE MALAYSIA
www.jkkn.gov.my

Pesta Angin Timur Perlis #MYSENBUDAYA
East Wind Festival
3 hingga 5 Mac 2017
Kampung Padang Telela,
Pauh, Perlis

Festival Nasi Ambeng #MYSENBUDAYA
15 & 16 April 2017
Homestay Banghurus,
Sepang, Selangor

Pesta Pantai Terengganu #MYSENBUDAYA
Terengganu Beach Fiesta
17 hingga 25 Mac 2017
Pantai Batu Buruk,
Kuala Terengganu, Terengganu

GHAZAL @MUAR #MYSENBUDAYA
7 & 8 APRIL 2017
Dataran Tanjung Emas,
Muar, Johor

Festival Seni Budaya Lenggong #MYSENBUDAYA
Klate/Folk Arts Festival
5 & 6 Mei 2017
Pantai Geting, Tumpat, Kelantan

Siri Semarak Bangsawan #MYSENBUDAYA
'Cincin Naga Api' 12-14 Mei 2017
'Dewa Kenchana' 15-17 September 2017
'Zhou Si Anak Yatim' 13-15 Oktober 2017
'Dendam Laksamana' 10-12 September 2017
Masa : 8.30 mlm - 10.30 malam
Auditorium DBKL, Jalan Raja Laut, KL Lumpur
Tiket : RM50 (Premier) & RM10

Seni@Nogoghi #MYSENBUDAYA
12 & 13 Mei 2017
Juasseh, Negeri Sembilan

IFTAR @KL #MYSENBUDAYA
3 & 4, 10 & 11, 17 & 18 Jun 2017
Jalan Raja, Dataran Merdeka, KL

Rhythms of Kinabalu #MYSENBUDAYA
Ritma Kinabalu @ Ranau
9 & 10 September 2017
Ranau, Sabah

Pesta Air Chenor Pahang #MYSENBUDAYA
Water Fest @ Chenor
29 & 30 Julai 2017
Chenor, Maran, Pahang

Malaysia Gagging Championship #MYSENBUDAYA
4 hingga 6 Ogos 2017
BERJAYA Times Square, KL

Festival Tari Malaysia #MYSENBUDAYA
23 & 25 Ogos 2017
KLCC, Kuala Lumpur

PERMAINAN TRADISIONAL MALAYSIA @KEPONG #MYSENBUDAYA
16 & 17 September 2017
Taman Metropolitan, Kepong, KL

Ganggung Seni Tradisional #MYSENBUDAYA
28 & 29 Julai 2017
Opera Cina (Kantonis)
25 & 26 Ogos 2017
Dramatari Klasik India
27 & 28 Oktober
Koleksi Tari Serumpun
Auditorium MATIC, Jln Ampang, KL
RM50 (VIP/Premier) & RM20 *(50% Diskaun - Pelajar, Warga Emas & OKU)

Joget @Melaka #MYSENBUDAYA
'Let's Joget, Warisan Melaka'
3 & 4 November 2017
Kota A Famosa, Banda Hillir, Melaka

Festival Gendang Sarawak #MYSENBUDAYA
Sarawak Drums Festival
17 & 18 November 2017
Waterfront, Kuching, Sarawak

KONSERT KOIR KEBANGSAAN MALAYSIA #MYSENBUDAYA
25 & 26 November 2017
Kuala Lumpur

BORIA FESTIVAL RELAX & ENJOY #MYSENBUDAYA
2 & 3 Disember 2017
Tapak Pesta Pulau Pinang

SEMARAKKAN
SENI BUDAYA
MALAYSIA



TEL : 03-2614 8200
www.jkkn.gov.my

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKKN



Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara

Aras 16,18,19,26,27,30 Dan 34
Lot 1001, Menara Th Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2614 8200
Faks : 03-2697 0884

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Selangor,

Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma
Mbsa
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791
No. Faks : 03 - 5510 2839

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pahang,

Kompleks JKKN Pahang,
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
No. Tel : 09 - 517 8466
No. Faks : 09 - 517 9466

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perlis,

Kompleks JKKN Perlis,
Persiaran Wawasan Kangar,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan,
No. Tel : 04 - 979 3604
No. Faks : 04 - 977 0117

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Wilayah Persekutuan,

Kompleks JKKN Wpkl,
Jalan Tun H.S Lee,
50000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 - 2072 6431/6779
No. Faks : 03 - 2070 4064

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Terengganu,

Kompleks JKKN Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman
No. Tel : 09 - 617 8831
No. Faks : 09 - 617 8832

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kedah,

Kompleks JKKN Kedah,
Lot Ptd 400,
05250 Alor Setar,
Kedah Darul Aman,
No. Tel : 04 - 731 5930
No. Faks : 04 - 733 8128

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,

Kompleks JKKN
Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Tel : 06 - 767 6793 /
763 6308
No. Faks : 06 - 763 4417

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kelantan,

Lot 1993, Seksyen 49,
Tanjong Chat,
15200 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim
No. Tel : 09 - 741 7000
No. Faks : 09 - 741 7004

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pulau Pinang,

Kompleks JKKN Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan
Seni,
Lot No. 2180 Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlee,
10460 Pulau Pinang
No. Tel : 04 - 281 7791/7792
No. Faks : 04 - 281 7781

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Melaka,

Kompleks JKKN Melaka,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Melaka
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787
No. Faks : 06 - 233 1784

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sarawak,

Tingkat 5 Bangunan Sultan
Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93000 Kuching,
Sarawak
No. Tel : 082 - 422 006/423 106
No. Faks : 082 - 244 394

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perak,

Kompleks JKKN Perak,
Lot 20561 @ 20565,
Jalan Cardwell,
Off Jalan Raja Di Hillir
30350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
No. Tel : 05 - 253 7001
No. Faks : 05 - 241 7017

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Johor,

Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso,
No 26, Jalan Susur 5,
Off Jalan Tun Abdul Razak,
Larkin,
80200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
No. Tel : 07 - 224 8270/223
1249
No. Faks : 07 - 223 9413

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sabah,

Kompleks JKkn Sabah,
Km 4 Jalan Penampang,
88200 Kota Kinabalu,
Sabah
No. Tel : 088 - 237052/051
No. Faks : 088 - 242 052